

PERANAN WANITA DALAM MASYARAKAT PEKEBUN KECIL
DI BIDANG SOSIO-EKONOMI
(Satu Kajian Kes Di Kg. Jerong Tuan, Kuala Trengganu, Trengganu)

oleh
No. Matrik 035878

Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sessi 1981/82

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
DAFTAR KANDUNGAN	
PENGHARGAAN	
SINOPSIS	
LAMPIRAN PETA	
BAB I : PENDAHULUAN	
a. Tujuan Kajian	1
b. Bidang Kajian	2
c. Metode Kajian	3
d. Masalah Kajian	6
BAB II : PENGHURAIAN TEORI DAN KONSEP	
a. Definisi Peranan	9
b. Huraiian Tentang Peranan Wanita	11
c. Konsep Pembangunan dan Kaitannya Dengan Wanita Luarbandar Dalam Bidang Sosio-Ekonomi	13
BAB III : LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN	
a. Latarbelakang Kawasan Kajian	
(i) Kedudukan Kawasan Kajian	18
(ii) Sejarah Kampung	19
(iii) Penempatan, Perumahan dan Alam Sekitar	20
(iv) Struktur Pentadbiran Kampung	21
(v) Kemudahan-kemudahan Awam	22

Muka Surat

(vi) Projek-projek Ekonomi di Bawah Jabatan Kerajaan	26
b. Latarbelakang Responden	
(i) Umur Responden	30
(ii) Saiz Keluarga Responden	31
(iii) Taraf Pelajaran Responden	33
(iv) Pekerjaan Responden	35
(v) Latarbelakang Ekonomi Rumahtangga Responden	36

BAB IV : PERANAN WANITA DALAM BIDANG EKONOMI

a. Ekonomi Bercorak Pertanian	41
(i) Penanaman Getah	41
(ii) Penanaman Padi	44
(iii) Penanaman Sayur-sayuran	47
(iv) Berdusun Buah-buahan	48
b. Ekonomi Tidak Berbentuk Pertanian	49
(i) Berkedai Runcit	49
(ii) Mengambil Upah Menjahit dan Membuat Kuih	50
(iii) Menganyam Tikar	52
(iv) Penternakan Binatang	52

BAB V : PERANAN WANITA DALAM BIDANG SOSIAL

a. Peranan Wanita Yang Bersifat Informal	54
(i) Peranan Di Dalam Rumahtangga	54
(ii) Peranan Di Luar Rumahtangga	59
b. Peranan Wanita Yang Bersifat Formal	63

Muka Surat

BAB VI : FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PENGLIBATAN WANITA DALAM BIDANG
EKONOMI DAN SOSIAL

a. Faktor-faktor Bukan Ekonomi	71
(i) Umur	71
(ii) Bilangan dan Umur Anak	77
(iii) Pelajaran	81
(iv) Sikap Suami Atau Masyarakat	83
b. Faktor Ekonomi	84
(i) Latarbelakang Ekonomi Responden	84

BAB VII : RUMUSAN DAN KESIMPULAN

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN-LAMPIRAN

2. Tokoh-tokoh Agus, yang juga telah memberi kritikan dan saran untuk sebagian besar responden dalam penelitian ini.
3. Cik Nelesh, Lucik Rahim, Knecik Maria dan Cik Sariyah dari Pejabat DPPA Asrah Kuala Terengganu dan Tokoh Wayung yang telah memberikan kerjasama dalam menyelesaikan latihan ilmiah ini.
4. Raja dan anak angkat di Kg. Jerong Tumbu yang sudah memberi pengalaman sebagai anak angkat serta anak angkat yang telah berusaha memberi bantuan sebaik mungkin lulus dijalankan.

PENGHARGAAN

Dalam menjalankan kajian luar dan seterusnya menyiapkan latihan ilmiah ini, pengkaji telah banyak mendapat bantuan dan sokongan serta tunjuk ajar dari beberapa pihak tertentu. Pengkaji merasa terhutang budi di atas bantuan serta sokongan dan tunjuk ajar mereka ini. Usaha-usaha mereka pengkaji sanjung tinggi dan ucapan terima kasih ditujukan khas kepada mereka semua:-

1. Dr. Rokiah Talib, pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya yang bertindak sebagai penyelia latihan ilmiah ini yang mana telah banyak memberi panduan dan tunjuk ajar di sepanjang penulisan latihan ilmiah ini.
2. Encik Razali Agus, yang juga telah memberi kritikan dan tunjuk ajar sehingga siapnya latihan ilmiah ini.
3. Cik Rahmah, Encik Rahim, Encik Suria dan Cik Sarinah dari Pejabat RISDA daerah Kuala Trengganu dan Bukit Payung yang telah memberikan kerjasama dalam menghasilkan latihan ilmiah ini.
4. Bapa dan emak angkat di Kg. Jerong Tuan yang sudi menerima pengkaji sebagai anak angkat serta adik angkat yang telah banyak memberi bantuan semasa kajian luar dijalankan.

5. Pegawai-pegawai dari Pejabat Negeri, Pejabat Daerah Kuala Trengganu dan Pejabat Pertanian Bukit Payung serta Penghulu Mukim Bukit Payung dan Ketua Kg. Jerong Tuan yang telah memberikan sepenuh kerjasama dalam kajian ini.
6. Penduduk-penduduk Kampung Jerong Tuan dan Kg. Tok Mu Chong serta responden-responden yang telah memberikan kerjasama yang memuaskan.
7. Kak Uda dan Kak Jah yang telah bersusah payah menaip latihan ilmiah ini.

Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

No. Matrik 035878

Set IV mengandungi tentang peranan masyarakat dalam kajian dan mengandungi tentang latihan yang diberikan oleh ahli antropologi dan geografi, buku, sains kebangsaan, teknik dan latihan yang diberikan kepada peserta dalam kajian.

Set V mengandungi tentang peranan masyarakat dalam masyarakat, yang dibahagikan kepada dua kategori antara peranan yang berorientasi formal dan informal. Peranan yang berorientasi formal adalah peranan yang

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini yang berjodol 'Peranan Wanita dalam Masyarakat Pekebun Kecil di bidang Sosio-ekonomi - satu kajian kes di Kg. Jerong Tuan, Kuala Trengganu, Trengganu, adalah terbahagi kepada 7 bab.

Di dalam Bab I, pengkaji telah menghuraikan tujuan kajian ini dilakukan, bidang yang dirangkuminya, metode yang digunakan dan masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian ilmiah ini.

Bab II pula membentangkan tentang 'theoretical framework' kajian ilmiah ini yang meliputi definisi mengenai peranan wanita, huraian tentang peranan tersebut, apa yang dimaksudkan dengan kerja serta disentuh juga konsep pembangunan dan kaitannya dengan wanita-wanita luarbandar dalam bidang sosio-ekonomi.

Bab III menceritakan tentang latarbelakang kawasan kajian dan masyarakatnya serta latarbelakang responden yang mana ini dilihat dari segi pelajaran, umur, saiz keluarga, pekerjaan dan latarbelakang ekonomi rumah tangga mereka.

Bab IV menghuraikan tentang peranan wanita di kawasan kajian di dalam kegiatan ekonomi, iaitu yang bercorak pertanian dan bukan pertanian.

Bab V membicarakan tentang peranan wanita dalam bidang sosial, yang dibahagi kepada dua kategori iaitu peranan yang berbentuk formal dan informal. Peranan yang berbentuk formal adalah peranan yang

dimainkan oleh wanita-wanita ini dalam persatuan-persatuan (di mana dalam kes kajian ini, PWPK) manakala peranan informal pula adalah peranan mereka di dalam rumahtangga dan di luar rumahtangga iaitu peranannya sebagai ibu, isteri dan juga jiran.

Bab VI pula menganalisa faktor-faktor yang membolehkan dan juga menghadkan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi dan sosial. Faktor-faktor yang berkenaan ini telah dilihat dari 2 aspek iaitu dari aspek faktor-faktor bukan ekonomi yang termasuk di dalamnya faktor umur, bilangan dan umur anak, pelajaran serta sikap suami atau masyarakat, dan aspek faktor ekonomi iaitu latarbelakang ekonomi responden-responden tersebut.

Bab VII memberikan rumusan dan kesimpulan mengenai data-data yang diperolehi dari kajian di mana 'findings' yang didapati dan 'theoretical framework' kajian ilmiah ini telah dihubungkaitkan.

BAB I

PENDAHULUAN

a) Tujuan Kajian

Kajian ini adalah satu 'case study' mengkaji peranan yang dimainkan oleh wanita dalam masyarakat pekebun kecil.

Firtama sekali, kajian ini bertujuan menunjukkan peranan wanita pekebun kecil dalam aktiviti ekonomi dan juga sosial di kampung mereka.

Kedua, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji sebab-sebab wanita bergerak dalam pekerjaan di luar rumah walaupun mereka pada amnya mempunyai kerja sepenuh masa sebagai surirumahtangga. Dari kajian ini dapat juga dilihat apakah jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan oleh mereka dan bagaimana mereka membahagikan masa di antara pekerjaan rumah dan pekerjaan di luar rumah.

Ketiga, kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran tentang masalah-masalah harian yang sering dihadapi oleh wanita-wanita pekebun kecil. Di samping itu akan dilihat samada masalah-masalah tersebut menjadi faktur pendorong ataupun faktur penghalang kepada penglibatan mereka dalam bidang ekonomi dan sosial.

Keempat, kajian ini juga bertujuan untuk melihat apakah fungsi Persatuan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) dan melihat sejauh mana ia dapat memainkan peranan dalam membangunkan kaum wanita pekebun kecil. Dengan lain kata, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana PWPK berjaya dalam mengubah tingkat pencapaian wanita dalam

aspek rumahtangga, seperti aspek kepimpinan, pentadbiran serta pembahagian tugas dalam rumahtangga, manakala penglibatan yang bersifat formal pula memberi penekanan kepada penglibatan kaum wanita dalam perkumpulan wanita khususnya PWPK, kelas masakan, kelas jahitan dan lain-lain aktiviti yang ada di kampung.

Bidang kajian ini juga akan mengkaji apakah faktur-faktur penggerak dan juga faktur-faktur penghalang yang mempengaruhi penglibatan kaum wanita pekebun kecil dalam bidang ekonomi mahupun bidang sosial.

Akhir sekali bidang kajian ini akan melihat apakah projek-projek yang telah dijalankan oleh RISDA, yang bertindak sebagai ajen pemodenan dan pembangunan di kampung tersebut, dan sejauh mana kejayaannya.

c) Metode Kajian

Kajian ini telah dilakukan di sebuah komuniti pekebun kecil getah di Kampung Jerung Tuan yang terletak dalam Mukim Bukit Payung di daerah Kuala Trengganu. Untuk tujuan kajian ini, pengkaji telah memilih satu sampel yang mengandungi 50 orang responden yang terdiri dari kaum wanita yang sudah bersuami dan tinggal bersama-sama keluarga mereka. Dengan lain kata pengkaji telah memilih satu sampel yang mengandungi 50 buah rumahtangga asas. Umur wanita yang diambil sebagai sampel ini adalah dalam lingkungan umur 20 - 59 tahun.

Untuk mendapatkan data dan maklumat yang sesuai dari responden, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah yang difikirkan sesuai dan di antara kaedah-kaedah yang dimaksudkan itu ialah:-

(i) Soalselidik

Kaedah soalselidik digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang bersifat kuantitatif seperti jumlah anak, pendapatan keluarga, peralatan rumah dan lain-lain keterangan yang boleh digunakan angka untuk membuat pengelasan dan analisa.

(ii) Pemerhatian-Penglibatan

Untuk tujuan kajian ini pengkaji telah menggunakan masa selama 5 minggu yang mana pengkaji bahagikan kepada 2 tempuh masa. Peringkat pertama yang memakan masa selama 2 minggu adalah bermula daripada 23.3.1981 hingga 8.4.1981, manakala kajian peringkat kedua pula bermula pada 23.4.1981 hingga 18.5.1981. Tujuan pengkaji membahagikan kajian ini kepada dua tempuh masa adalah kerana pada peringkat pertama kajian dijalankan, pengkaji dapati responden-responden terlalu sibuk dengan aktiviti musiman iaitu aktiviti mengetam padi. Kerana itu pengkaji tidak dapat melihat dengan sepenuhnya akan penglibatan kaum wanita tersebut dalam aktiviti sosial kerana segala aktiviti persatuan ditangguhkan. Bila kali kedua kajian dijalankan, baharulah pengkaji dapat gambaran yang jelas tentang penglibatan dan peranan wanita dalam aktiviti-aktiviti dan persatuan-persatuan sosial di kampung tersebut. Ini disebabkan pada kali kedua kajian dilakukan, musim mengetam telah pun selesai dan segala aktiviti-aktiviti dalam persatuan sosial di kampung tersebut berjalan seperti sediakala kembali.

Dengan adanya pembahagian tempuh kajian dan dengan menggunakan kaedah "participant observation" pengkaji telah berjaya mendapatkan data-

data dan butir-butir yang mencukupi untuk memberi gambaran sebenar akan penglibatan kaum wanita masyarakat pekebun kecil dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial di kampung tersebut. Ini disebabkan semasa menjalankan kajian, pengkaji telah tinggal bersama-sama dan bergaul rapat dengan masyarakat yang dikaji. Pengkaji juga telah mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti masyarakat tersebut.

(iii) Temubual (Informal Interview)

Kaedah temubual ini pengkaji gunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih khusus seperti pandangan dan sikap responden mengenai satu-satu perkara. Ini adalah memandangkan bahawa maklumat-maklumat seumpama ini lebih senang diperolehi melalui kaedah temubual daripada kaedah soalselidik, kerana jika kaedah soalselidik digunakan untuk tujuan ini, responden akan merasa terkongkong untuk mengeluarkan pendapat dan ini mungkin akan mempengaruhi jawapan yang diberikan. Dengan menggunakan kaedah temubual, pengkaji dapat mengemukakan kembali soalan-soalan sekiranya terdapat keraguan dalam jawapan yang diberikan.

(iv) Rujukan kepada bahan terkumpul

Kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan sedikit sebanyak tentang teori dan konsep yang akan digunakan dalam latihan ilmiah ini. Metode ini juga membolehkan pengkaji mendapatkan serba sedikit latarbelakang tentang masyarakat pekebun kecil getah sebagai asas untuk memulakan latihan ilmiah ini.

d) Masalah Kajian

Dalam membuat kajian di Kampung Jerung Tuan, pengkaji juga menghadapi beberapa masalah. Pengkaji dapati bahawa tidak semua penduduk-penduduk kampung tersebut yang bekerja sebagai penoreh getah ataupun melibatkan diri dalam projek-projek RISDA. Oleh kerana tujuan kajian adalah melibatkan kaum wanita dalam masyarakat pekebun kecil, maka pengkaji terpaksa memilih responden-responden yang terdiri cuma dari mereka yang mengusahakan penanaman getah iaitu samada ia mempunyai tanah getah sendiri dan mengusahakannya, ataupun mempunyai tanah getah sendiri tetapi mengupah orang lain untuk mengerjakannya ataupun mereka yang cuma mengambil upah menoreh getah orang. Ini merumitkan kajian kerana pengkaji terpaksa memastikan dahulu samada responden-responden tersebut termasuk dalam kategori di atas ataupun tidak. Oleh kerana ini juga, pengkaji kekurangan responden untuk ditemuduga dan dengan itu pengkaji telah mengambil sebuah kampung yang berhampiran iaitu Kampung Tok Mu Chong yang mana merupakan sebahagian daripada Kampung Jerung Tuan. Walaupun kampung ini mempunyai nama yang berlainan tetapi ianya adalah termasuk di bawah pentadbiran Kampung Jerung Tuan dan mempunyai Penghulu dan Ketua Kampung yang sama. Di samping itu ianya juga mempunyai ciri-ciri sosio-ekonomi dan budaya yang sama.

Dalam proses pemilihan responden, pengkaji juga menghadapi masalah untuk mengesan nama-nama ahli pekebun kecil yang telah diberikan oleh pihak RISDA. Ini adalah kerana rumah-rumah di kawasan kampung tersebut tidak mempunyai nombor. Oleh itu pengkaji terpaksa pergi dan bertanya dari rumah ke rumah dan jarak satu rumah dengan rumah yang lain agak jauh juga.

Masalah juga timbul dari segi penggunaan bahasa daerah. Boleh dikatakan kebanyakan responden-responden yang berumur dalam lingkungan 40an dan 50an, penggunaan bahasa daerah masih lagi menebal. Ini agak menyukarkan kajian tetapi pengkaji dapat mengatasi masalah ini dengan bantuan adik angkat pengkaji, di mana pengkaji sering bertanya kepadanya akan apa-apa yang kurang difahami. Setelah bergaul dengan masyarakat kampung tersebut untuk beberapa hari, akhirnya pengkaji dapat memahami serba sedikit akan loghat yang digunakan oleh mereka.

Masalah juga timbul kerana semasa pengkaji melakukan kajian di peringkat **pertama**, masanya adalah bersetentangan dengan musim mengetam padi. Akibatnya, pengkaji dapati amat sukar untuk menemui responden di rumah sebab masing-masing sibuk dengan aktiviti mengetam padi. Namun begitu, pertentangan masa ini merupakan masa yang paling sesuai untuk kaedah "participant observation" dijalankan kerana di waktu inilah dapat diperhatikan bagaimana wanita melakukan kerja-kerja di dalam dan di luar rumah. Dengan itu gambaran sebenar tentang aktiviti ekonomi dan sosial mereka dapat diperolehi.

Masalah lain yang pengkaji hadapi ialah untuk mendapatkan sepenuh tumpuan dari responden-responden kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Kebanyakan dari responden-responden mempunyai anak-anak kecil dan kadangkala semasa temubual dijalankan, anak-anak mereka ini membuat bising, menangis dan sebagainya. Ini membuatkan responden tidak dapat memberikan sepenuh perhatian kepada soalan yang dikemukakan kepadanya. Akibatnya jawapan yang diberikan kadangkala antara mahu dengan tidak sahaja. Ada juga responden terutama mereka yang berumur dalam lingkungan

20an, merasa malu-malu untuk ditemubual. Setengah daripada mereka pula letih dengan aktiviti atau kerja harian dan kadangkala ada pula yang merasa bosan dengan soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka. Ini semua kadangkala dengan secara tidak langsung mempengaruhi jawapan yang diberikan.

Akhir sekali, masalah yang dihadapi oleh pengkaji ialah tiadanya bahan-bahan rujukan bertulis berkenaan dengan kampung tersebut. Pengkaji terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pemerhatian dan pendengaran sendiri semata-mata.

BAB II

PENGHURAIAN KONSEP DAN TEORI

Sebelum membicarakan dengan lebih lanjut lagi mengenai peranan wanita luarbandar khasnya wanita pekebum kecil dalam kegiatan-kegiatan sosio-ekonomi, adalah lebih baik sekiranya dibincangkan terlebih dulu beberapa konsep dan teori yang akan digunakan di dalam kajian ini.

a) Definisi Peranan

Peranan telah didefinisikan atau digambarkan oleh Ralph Linton (1936, m.s.6) sebagai:-

'... the dynamic aspect of status. When (an individual) puts the rights and duties into effect, he is performing a role.'

Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa tiap-tiap individu dalam masyarakat, mempunyai beberapa peranan yang tertentu yang mana ini dikenali sebagai 'role set' dan 'role set' yang perlu dimainkan oleh tiap-tiap individu ini pula adalah bergantung kepada status individu-individu itu di dalam masyarakat yang dianggotainya.

Terdapat dua jenis peranan yang dimainkan oleh seseorang itu di dalam satu-satu masyarakat. Dalam masyarakat yang tertutup, peranan yang bercorak 'ascribed' atau yang berdasarkan kepada faktur-faktur kelahiran atau semula jadi adalah merupakan faktur yang menentukan peranan atau kedudukan seseorang itu di dalam masyarakat. Bagi masyarakat yang terbuka pula, kedudukan seseorang dalam masyarakat biasanya berdasarkan kepada peranan yang bercorak 'achieved' iaitu peranan yang dimainkan tidak lagi

berdasarkan kepada faktur kelahiran semata-mata tetapi berdasarkan kepada faktur pencapaian yang diperolehi oleh seseorang itu.

Jika diaplikasikan kedua jenis peranan ini kepada kaum wanita, dapat dikatakan bahawa peranan yang bercorak 'asccribed' adalah merupakan peranan yang ideal yang diharapkan atau dijangkakan oleh masyarakat akan dilakukan oleh setiap wanita, iaitu yang merupakan peranannya sebagai seorang ibu yang bertanggungjawab dalam menguruskan segala kerja-kerja dalam rumahtangga, manakala peranan yang berdasarkan kepada pencapaian seseorang wanita itu pula adalah merupakan peranan-peranannya dalam bidang ekonomi, sosial dan sebagainya, iaitu merupakan peranan-peranan yang lain daripada yang bercorak 'ascribed' seperti yang dinyatakan di atas.

Namun perlu dinyatakan bahawa dalam masyarakat kini pembahagian yang 'rigid' mengenai peranan-peranan yang harus dilakukan oleh seseorang itu khususnya kaum wanita telah kian berkurangan. Adalah didapati bahawa dalam banyak masyarakat kedua-dua peranan ini adalah dilakukan selari.

Seperti yang telah dinyatakan, didapati bahawa konsep peranan biasanya dikaitkan dengan status atau kedudukan. Ini disebabkan individu yang memegang peranan yang tertentu, akan mempunyai kedudukan yang tertentu dari segi susun lapis sosial di mana semakin penting peranan yang dimainkan oleh seseorang itu kepada masyarakatnya, semakin tinggi pula status dan kedudukannya. Tetapi perlu dinyatakan di sini bahawa memandangkan masyarakat sekarang adalah merupakan masyarakat terbuka, maka didapati bahawa kebanyakan penggolongan kepada satu-satu status itu adalah lebih bergantung kepada faktur-faktur sosial yang subjektif iaitu

tanggapan, nilai dan juga sikap masyarakat itu sendiri. Dari ini dapat dibuat kesimpulan bahawa pengamalan sistem masyarakat yang terbuka ini telah sedikit sebanyak mempengaruhi peranan-peranan yang dimainkan oleh wanita. Kini peranan wanita tidak lagi tertumpu pada anak-anak, suami dan rumah tangga tetapi telah mula berkisar pada memegang peranan-peranan lain seperti di dalam bidang ekonomi, sosial dan sebagainya yang mana ini secara tidak langsung mempengaruhi pula status wanita-wanita tersebut.

b) Huraian Tentang Peranan Wanita

Memang tidak dapat dinafikan lagi akan ujudnya kontroversi tentang persoalan mengenai peranan wanita di masa kini khususnya persoalan mengenai faktur-faktur yang telah membawa kepada perbezaan antara peranan yang dimainkan oleh wanita dengan peranan yang dimainkan oleh lelaki, seperti yang terdapat dalam tulisan Ernestine Friedl dalam bukunya 'Women And Men: An Anthropologist View' (1975). Kontroversi ini timbul dari dua golongan yang berlainan pendapat iaitu golongan yang menggelarkan diri mereka sebagai golongan 'biologist' dan golongan yang dikenali dengan gelaran 'environmentalist'.

Golongan 'biologist' berpendapat bahawa faktur yang ditentukan oleh ciri-ciri biologilah yang menjadi penentuan kepada perbezaan peranan di antara wanita dan lelaki. Oleh sebab itulah maka wanita selalu dikaitkan dengan pekerjaan yang tidak memerlukan tenaga fizikal yang kuat, pekerjaan yang berkisar di kawasan berhampiran dengan rumah dan sekiranya bekerja jauh dari rumah, mestilah ianya dilakukan dalam jangka masa yang singkat sahaja. Dengan lain perkataan, memandangkan kepada sifat semula jadi wanita yang dikatakan mempunyai tenaga fizikal yang

kurang berbanding dengan lelaki, dan fakta bahawa wanita lah yang melahirkan anak, maka didapati peranan dan kegiatan wanita adalah terikat kepada rumah tangga dan penjagaan anak semata. Ini berlainan dengan lelaki yang lebih luas peranannya kerana dikatakan mempunyai kekuatan fizikal yang lebih dari wanita.

Pendapat yang diutarakan oleh golongan 'biologist' ini dapat dikatakan sebagai pendapat golongan tradisional. Memang tidak dapat dinafikan bahawa semenjak tamaddun manusia masih di peringkat primitif lagi, sudah terdapat pembahagian, khusus dalam menentukan antara peranan lelaki dan wanita yang mana pembahagian ini didasarkan atas ciri-ciri fizikal dan umur. Pembahagian peranan di mana wanita ditugaskan menjaga anak dan lelaki mencari nafkah hidup adalah dianggap sebagai suatu kebiasaan dan tidak pernah dipersoalkan kerana keadaan begini sudah dianggap menjadi sifat semula jadi manusia seperti yang dirumuskan oleh Fransella dan Frost (1977, m.s.1):

'... all couples took it for granted that there should be a basic division of labour between husband and wife in which the husband was responsible for supporting the family financially and the wife was primarily responsible for looking after the children and seeing that housework and cooking were done.'

Golongan 'environmentalist' pula berpendapat bahawa penentuan peranan antara lelaki dan wanita adalah disebabkan oleh fungsi keadaan sosial dan budaya dan bukannya kerana warisan biological semata-mata. Mereka menegaskan bahawa ciri-ciri fizikal dan 'emotional' yang ujud secara semulajadi dalam diri wanita tidak menghalang wanita-wanita tersebut dari melibatkan diri dalam berbagai-bagai hubungan sosial dan aktiviti luar rumah. Yang penting di sini ialah sikap wanita itu sendiri

di mana mereka mestilah menghapuskan segala pandangan-pandangan yang membezakan antara lelaki dan wanita itu.

Golongan 'environmentalist' ini walaubagaimanapun tidak menafikan akan terdapatnya perbezaan di antara peranan-peranan wanita dan lelaki ini. Cuma apa yang dipertekankan oleh golongan ini ialah perbezaan peranan ini bukanlah merupakan sesuatu yang 'rigid'. Ini adalah kerana terdapatnya tugas atau peranan yang dulunya dianggap sebagai tugas lelaki telah dijalankan oleh wanita-wanita sepetimana yang terdapat di dalam bidang politik, perdagangan dan kerja-kerja pertukangan.

Perlu juga dinyatakan di sini bahawa mereka yang menyokong aliran fikiran 'environmentalist' ini didapati mendasarkan juga perbahasan mereka kepada faktur-faktur biologi sepetimana yang disarankan oleh golongan yang berorientasikan biologi tetapi cara mereka menginterpretasikannya adalah berlainan. Bagi golongan 'environmentalist' ini, bukannya faktur biologi sahaja yang mesti diperhatikan sebagai penentu penting dalam peranan jantina ini tetapi perlu juga dilihat akan keadaan-keadaan sosial yang ada. Golongan ini juga tidak menafikan akan ujudnya 'male dominance' di dalam masyarakat. Bagi mereka hakikat adanya 'male dominance' dalam masyarakat bukanlah merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan atau tidak dapat diubah lagi. Hakikat ini menurut mereka tidak semestinya dibiarkan berterusan ujud di dalam sesebuah masyarakat itu, malah ianya boleh diubah dan disesuaikan mengikut keadaan sosial ataupun perkelilingan.

c) Konsep Pembangunan dan Kaitannya Dengan Wanita Luarbandar Dalam Bidang Sosio-Ekonomi

Pembangunan secara amnya dapat dikaitkan dengan usaha-usaha

kepada perubahan yang dirancang. Ini sepertimana yang dinyatakan oleh H.Bernstein (1973, m.s.13):

'... the emphasis on conscious action to effect large scale change in a desired direction utilising a centralised or at least co-ordinated way the resources available to a given political unit.'

Dalam konteks yang lebih luas dan kompleks pula pembangunan didefinisikan dalam erti kata lain sebagai satu proses yang membawa penambahan kepada serangkaian nilai dalam satu-satu masyarakat atau negara.

Oleh itu didapati bahawa konsep pembangunan ini mempunyai berbagai-bagai interpretasi yang mana ujurnya keadaan seumpama ini adalah kerana konsep ini telah dipergunakan oleh berbagai-bagai orang dan pertubuhan yang antara lainnya termasuklah ahli-ahli sains sosial, organisasi antarabangsa, pentadbir kerajaan dan tidak ketinggalan juga rakyat biasa. Namun walau apa pun interpretasi yang diberikan, yang perlu dipertimbangkan oleh seseorang itu ialah mengakui hakikat bahawa pembangunan itu bukan sahaja hanya tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi tetapi ianya melibatkan juga pertumbuhan dari segi sosial, kebudayaan dan politik.

Ahli-ahli sains sosial menekankan bahawa pertumbuhan ekonomi saja seperti pendekatan yang digunakan oleh ahli-ahli ekonomi tidak dapat digunakan untuk menerangkan tentang modenisasi dan pembangunan ini. Menurut mereka ianya mestilah diikuti bersama oleh perubahan-perubahan dari segi sikap, perlakuan dan juga penyusunan institusi-institusi yang dicerminkan oleh sesebuah masyarakat itu. Dennis Goulet dalam bukunya 'Development for What' memberikan ciri-ciri pembangunan sebagai:

'... total abolishment of poverty and illiteracy for the masses equitable of wealth and power, eradication of unemployment, enhancement of the freedom, and the independence of both countries and individuals.'

(dipetik dari Lim Mah Hui, 1974, m.s.44)

Oleh itu apa yang penting yang menjadi syarat kepada pembangunan ini ialah masyarakat sesebuah negara itu di mana mereka haruslah senang menerima perubahan dan di samping itu pula mempunyai sistem ekonomi dan sosial yang sentiasa terbuka dan mahu menerima perubahan terutama sekali dalam bidang ekonomi dan teknologi.

Menyentuh tentang kaitan wanita dengan pembangunan pula, ahli sosiologi, Chester L.Hunt (1966, m.s.20), telah membuat kenyataan dengan mengatakan bahawa di kebanyakan kawasan atau tempat di dunia ini, proses pembangunan adalah dilihat sebagai projek di pihak lelaki di mana pihak wanita hanya diberi tugas sampingan sahaja. Seolah-olah dunia ini dijadikan sebagai alam lelaki manakala rumah pula sebagai alam wanita. Ini dapat dikesan dari kata-kata beliau:

'... development represents an effort to bring the male part of the world into the 20th century leaving most of the women in the restricted culture of the previous era.'

Sejauh mana kebenaran kata-katanya ini masih boleh dipersoalkan lagi.

Dalam melihat atau menentukan tahap penglibatan wanita luarbandar dalam pembangunan sosio-ekonomi, Van Haeften dan Caton dalam lapuran mereka 'A Strategy for Intergrating LDC Rural Women Into Their National Economies' (1974) telah memberikan tiga cara iaitu dengan melihat cara hidup wanita tersebut, penyertaannya dalam bidang ekonomi dan statusnya

dalam masyarakat yang dianggotai:

'... in the field of physical well-being, development implies improvement, in terms of participation in the economy, it presupposes a need for deeper involvement, and finally in terms of status, the goal is equality with men.'

(dipetik dari Montiel & Hollensteiner, 1976, m.s.33)

Oleh itu pemerhatian ke atas fungsi-fungsi wanita dalam bidang sosio-ekonomi serta jenis-jenis aktiviti yang diceburi oleh mereka, bolehlah dijadikan sebagai pengukuran yang penting dalam melihat sejauh mana darjah penglibatan wanita-wanita ini terutama wanita-wanita luarbandar dalam bidang sosio-ekonomi tersebut. Namun begitu dalam usaha untuk melihat penglibatan wanita-wanita ini dalam pembangunan sosio-ekonomi, adalah perlu juga diketahui dengan apa yang dimaksudkan sebagai 'kerja' bagi wanita-wanita luarbandar ini. Ini perlu kerana terdapat perbezaan konsep 'kerja' bagi masyarakat luarbandar ini dengan konsep 'kerja' dalam masyarakat bandar atau masyarakat industri moden.

Kepada individu dalam sebuah masyarakat perindustrian moden, kerja biasanya diidentifikasi sebagai cara-cara untuk mendapatkan kemudahan kehidupan. Ini berbeza dalam masyarakat simple di mana perhubungan antara kerja dan keperluan asasi adalah merupakan bentuk hubungan yang berlaku secara langsung dalam mana individu-individu dalam masyarakat tersebut hanya menggunakan apa yang mereka usaha atau keluarkan.

Perbezaan juga didapati ujud antara 'pekerjaan' bagi wanita yang telah berumahtangga dengan 'pekerjaan' yang dimengertikan oleh wanita-wanita yang belum berumahtangga dan juga yang dimengertikan oleh kaum lelaki. Bagi ramai wanita, pekerjaan adalah dimaksudkan sebagai pekerjaan

di luar rumah tangga sahaja yang mendarangkan pendapatan. Kerja-kerja di dalam rumah tangga, walaupun digunakan perkataan 'kerja', adalah dianggap semata-mata sebagai tugas semula jadi bagi kaum wanita yang mana ianya perlu dilakukan walaupun wanita itu melakukan pekerjaan di luar rumah. Di samping itu didapati juga bahawa wanita-wanita luarbandar yang bekerja ini (walaupun tidak kesemuanya) adalah dapat dikategorikan sebagai 'unpaid family helpers'. Mereka yang jatuh ke dalam kategori ini didapati membuat kerja-kerja sekadar untuk menampung pendapatan suami dan bukannya merupakan pekerjaan yang mendarangkan pendapatan tetap seperti yang dapat dimengertikan dalam definisi 'kerja'.

Oleh itu berdasarkan kepada keterangan-keterangan di atas, maka adalah tujuan latihan ilmiah ini untuk melihat sejauh manakah wanita-wanita di kampung kajian ini benar-benar melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan sosio-ekonomi. Dengan lain kata adalah juga menjadi tujuan kajian ini untuk melihat dan menentukan corak peranan yang dimainkan oleh wanita-wanita tersebut, iaitu adakah peranan mereka dapat digolongkan ke dalam peranan sepertimana yang disarankan oleh golongan 'biologist' atau ke dalam peranan yang dikemukakan oleh golongan 'environmentalist'.

BAB III

LATARBEIA KAWASAN KAJIAN

a) Kedudukan Kawasan Kajian

Kampung Jerung Tuan dan Kampung Tok Mu Chong adalah merupakan kawasan pendalaman di Mukim Bukit Payung yang terletak di daerah Kuala Trengganu.

Dari segi kedudukan, Kampung Jerung Tuan yang mempunyai keluasan dua batu persegi terletak 20 batu dari bandar Kuala Trengganu iaitu pusat bandar bagi negeri Trengganu. Ianya juga bersempadan dengan Kampung Tok Mu Chong (yang merupakan sebahagian daripada kawasannya), Kampung Jerung Surau dan juga Kampung Jerung Seberang.

Kampung Tok Mu Chong pula terletak lebih kurang 19 batu dari pusat bandar Kuala Trengganu. Perlu dinyatakan, kedudukan Kampung Tok Mu Chong dengan Kampung Jerung Surau, adalah dalam jarak 1 batu dan jalan yang menghubungkan kedua buah kampung ini ialah jalan tanah merah.

Pekan kecil yang berhampiran sekali dengan kedua buah kampung ini ialah pekan Pengkalan Berangan iaitu lebih kurang $2\frac{1}{2}$ batu dan pekan Wakaf Tapai, lebih kurang 4 batu. Antara kedua pekan kecil ini, Wakaf Tapai lebih merupakan tumpuan utama penduduk-penduduk kampung di sini. Di pekan inilah penduduk-penduduk kampung pergi membeli-belah barang-barang keperluan harian. Di pekan ini terdapat sebuah pasar, wakil pos, beberapa buah kedai runcit, klinik bidan, perkhidmatan telefon dan beberapa kemudahan asas lainnya. Di pekan ini juga bertempatnya Pejabat

Penghulu bagi mukim ini. Di Pengkalan Berangan, tumpuan penduduk-penduduk kampung cuma di hari Selasa sahaja di mana pada hari itu diadakan pasar murah. Perlu dinyatakan bahawa di dua buah pekan kecil inilah penduduk-penduduk kampung menjual barang-barang atau hasil pertanian mereka.

b) Sejarah Kampung

Kampung Jerung Tuan serta dua buah kampung lain yang bersempadan dengannya iaitu Kampung Jerung Surau dan Kampung Jerung Seberang, pada mulanya merupakan satu kawasan perkampungan yang dahulunya dikenali dengan 'Jerung' sahaja.

Asal usul nama 'Jerung' ini mengikut orang-orang tua di kampung berkenaan adalah berpunca dari satu kisah yang berlaku beratus-ratus tahun dahulu. Kisah ini bermula dengan pelarian tujuh orang anak raja Johor ke Trengganu. Tun Abdul Kahar iaitu salah seorang daripada anak raja tersebut, bersama dua orang rakannya telah singgah dan menetap di Pengkalan Tanggol. Semasa mereka sedang bercucuk tanam di Pengkalan Tanggol inilah maka lalu sekumpulan orang asli. Tun Abdul Kahar bertanya-kan kepada orang asli tersebut di manakah kawasan yang sesuai untuk dijadikan tempat kediaman. Pertanyaannya itu dijawab oleh orang asli dengan mengatakan 'Jerung' sambil menunjuk ke arah satu kawasan. (Adalah difahamkan bahawa perkataan 'Jerung' ini bermakna 'ceruk'). Tun Abdul Kahar bersama dua orang rakannya pun membuka perkampungan di kawasan yang telah ditunjukkan oleh orang asli tersebut.

Kampung Jerung Tuan juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Kampung ini mengambil sempena panggilan nama 'Tuan' yang diberikan kepada

salah seorang daripada cucu cicit Tun Abdul Kahar iaitu Tok Latif. Tok Latif merupakan orang yang mengambil berat tentang hal ehwal kampung tersebut samada dari segi pelajaran, keselamatan, pekerjaan dan juga hal-hal pentadbiran.

Kampung Tok Mu Chong pula mendapat namanya sempena nama seorang saudagar Cina yang kaya raya bernama Chong. Adalah difahamkan bahawa Kampung Tok Mu Chong ini pada masa dahulu adalah merupakan sebahagian daripada kawasan Jerung tetapi telah dibeli oleh saudagar Cina dari penduduk-penduduk Melayu di situ. Kisah ini dikatakan terjadi setelah Perang Dunia Kedua dan kejadian ini dikatakan telah menimbulkan suasana tegang antara orang-orang Melayu dan Cina kemudiannya.

c) Penempatan, Perumahan dan Alam Sekitar

Kebanyakan dari kedudukan rumah-rumah di kedua buah kampung ini adalah berselerak. Tetapi ada juga penempatan yang bercorak 'nucleated' atau berpusat dan bentuk penempatan seumpama ini mempunyai kaitan dengan hubungan kekeluargaan dan pemilikan tanah pusaka yang berhampiran. Selain dari itu, terdapat juga rumah-rumah yang didirikan secara 'linear' iaitu didirikan sepanjang jalanraya dan jalan kampung. Ini adalah bertujuan untuk kemudahan-kemudahan pengangkutan.

Kampung Jerung Tuan terdiri dari 94 buah rumah manakala kampung Tok Mu Chong pula terdiri dari 26 buah. Kebanyakan rumah-rumah yang dibina menggunakan bahan kayu. Bagi jenis rumah pula, keseluruhannya adalah merupakan rumah sebiji yang bertangga. Kebanyakan rumah-rumah yang didirikan tidak mempunyai bilik dan ruang udara. Di samping itu

hampir seratus peratus daripada rumah-rumah di kampung ini tidak mempunyai bilik mandi, sementara penggunaan tandas pula, didapati kebanyakannya menggunakan sistem tandas curah.

Mengenai alam persekitaran pula didapati di kampung ini terdapat banyak pohon-pohon buah-buahan yang ditanam di sekeliling rumah. Ini merupakan ciri-ciri tipikal bagi sebuah kampung. Namun di Kampung Jerung Tuan terutamanya, kebersihan alam sekitarnya agak tercemar. Ini disebabkan oleh pemeliharaan binatang-binatang ternakan seperti ayam, itik, kambing dan lembu yang mana binatang-binatang ini dipelihara di bawah rumah dan juga di kawasan sekeliling rumah dan tidak di satu-satu tempat khas yang disediakan. Akibatnya di sana sini di kawasan kampung tersebut, terdapat tahi-tahi binatang berselerak di merata-rata jalan. Ini merupakan satu gejala buruk terhadap kesihatan terutamanya kanak-kanak. Ini ditambah lagi dengan tidak adanya sistem pengairan seperti parit dan longkang. Akibat daripada ini, didapati terdapatnya air limbahan yang bertakung di bawah rumah.

d) Struktur Pentadbiran Kampung

Kampung Jerung Tuan dan Kampung Tok Mu Chong diketuai oleh seorang ketua kampung yang dilantik di atas persetujuan Pegawai Daerah, Penghulu Mukim dan Wakil Rakyat. Ketua Kampung ini di dalam menjalankan tugasnya, dibantu oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang terdiri dari 9 orang. Untuk melihat dengan lebih jelas akan ciri-ciri pemilihan Ketua Kampung ini dan tugas-tugas yang dijalankan serta organisasi pentadbiran dan perhubungannya di antara kampung dan Pejabat Daerah, sila lihat Lampiran 'A'.

e) Kemudahan-kemudahan Awam

i) Bekalan Air

Penduduk-penduduk kampung mendapatkan bekalan air dari perigi-perigi yang digali sendiri oleh mereka. Kebanyakan daripada perigi-perigi di kampung ini tidak disimen di sekelilingnya. Setengah-tengah perigi pula mempunyai air yang berwarna kekuning-kuningan. Perigi ini juga tidak mempunyai cukup air untuk keperluan penduduk di sini dan masalah ini lebih ketara di musim kemarau.

ii) Bekalan Letrik

Kedua-dua buah kampung ini tidak mempunyai bekalan letrik. Kebanyakan daripada penduduk kampung menggunakan pelita minyak tanah. Cuma terdapat beberapa buah rumah yang berkemampuan sahaja yang menggunakan kuasa bateri ataupun generator. Di kedua buah kampung ini, didapati telah ada tiang-tiang letrik tetapi kemasukannya ke rumah-rumah masih belum dilaksanakan.

iii) Jalanraya

Jalan-jalan di kampung ini adalah merupakan jalan tanah merah, cuma di Kampung Tok Mu Chong sahaja terdapat jalan tar dan itu pun cuma di sepanjang jalan besar yang menghubungkan kawasan ini dengan Wakaf Tapai dan pekan-pekan kecil lainnya.

Dari segi kemudahan pengangkutan, penduduk-penduduk kampung kebanyakannya menggunakan basikal dan motosikal. Di samping itu terdapat perkhidmatan bas tiap-tiap satu jam melalui Kampung Tok Mu Chong. Penduduk-penduduk dari Kampung Jerung Tuan yang hendak ke

bandar-bandar terpaksa berjalan 1 batu melalui jalan tanah merah untuk menunggu bas di Kampung Tok Mu Chong. Di samping itu terdapat juga 'kereta-kereta sapu' yang kebanyakannya dipunyai oleh mereka dari kampung-kampung yang berdekatan.

iv) Balairaya

Kampung Jerung Tuan mempunyai sebuah dewan orang ramai yang merupakan pusat tumpuan sosial yang penting di mana diadakan perjumpaan-perjumpaan resmi dan juga tidak resmi. Di balairaya inilah diadakan mesyuarat-mesyuarat seperti mesyuarat ahli jawatankuasa kampung dan lain-lain. Balairaya ini juga merupakan sekolah TABIKA bagi anak-anak penduduk kampung ini dan juga kampung-kampung berdekatan.

v) Surau

Sebuah surau telah dibina oleh kerajaan di Kampung Jerung Tuan yang mana boleh menampung sejumlah 30 - 70 orang. Di surau inilah kegiatan-kegiatan keugamaan dijalankan. Terdapat seorang guru ugama dari Pejabat Ugama yang datang mengajar dan memberi ceramah-ceramah ugama pada tiap-tiap hari Selasa di surau ini.

vi) Kemudahan Sukan

Di kedua buah kampung ini, hanya terdapat dua jenis permainan sahaja yang disukai oleh para belia iaitu permainan sepaktakraw dan bolasepak. Walaupun di Kampung Jerung Tuan terdapat sebuah gelanggang bulutangkis yang dibina oleh kerajaan berhampiran dengan balairaya tetapi permainan ini tidak mendapat perhatian. Di kalangan para

beliawanis pula tidak ada penglibatan dalam permainan sukan yang bercorak 'outdoor' ini.

vii) Kemudahan Kesihatan

Dari segi kemudahan kesihatan, terdapat klinik bergerak yang biasanya datang dua kali sebulan. Klinik bergerak ini biasanya hanya memberikan perkhidmatan am ataupun rawatan biasa iaitu yang berkenaan dengan hal-hal demam, kudis, perkhidmatan 'deworming' untuk kanak-kanak dan sebagainya. Selain daripada klinik bergerak ini, terdapat sebuah klinik kerajaan di Ajil yang jauhnya lebih kurang 9 batu. Ini merupakan klinik yang terdekat sekali dengan kampung tersebut. Untuk perkhidmatan rawatan kepada ibu-ibu yang mengandung dan yang telah bersalin pula, terdapat sebuah klinik bidan di Pekan Wakaf Tapai dan klinik bergerak di Kampung Jerung Seberang. Terdapat juga seorang bidan kampung yang memberikan perkhidmatan kepada ibu-ibu berkenaan dengan bayaran \$15.00 untuk tiga kali rawatan.

Penduduk-penduduk kampung ini juga masih lagi mengamalkan perubatan tradisional. Di kampung ini terdapat tiga orang bomoh lelaki yang memberikan rawatan kepada sakit-sakit biasa dan juga sakit buatan orang dan mereka ini tidak mengenakan sebarang bayaran.

viii) Kemudahan Pelajaran

a) TABIKA (Taman Bimbingan Kanak-Kanak)

Di Kampung Jerung Tuan terdapat sebuah sekolah TABIKA yang diadakan di bangunan Balairaya di kampung tersebut. TABIKA ini

ditubuhkan pada tahun 1980 di bawah anjuran KEMAS yang beribupejabat di Kuala Brang.

Dari segi sambutan penduduk-penduduk kampung terhadap kelas TABIKA ini, didapati agak memuaskan. Tetapi terdapat juga ibubapa yang tidak menghantar anak-anak mereka ke TABIKA dan ini mungkin disebabkan oleh kewangan ataupun disebabkan sikap ibubapa yang tidak mementingkan pelajaran anak-anak mereka.

b) Pendidikan Sekolah Rendah

Kanak-kanak di Kampung Jerung Tuan mendapat pendidikan sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Jerung Surau yang dibina pada tahun 1950. Pada masa itu sekolah ini dikenali sebagai 'Sekolah Rakyat'. Hanya di tahun 1952 baharulah sekolah ini diiktiraf sebagai sekolah kerajaan.

Sekolah ini mempunyai 11 orang guru di mana 2 orang daripadanya merupakan guru bahasa Inggeris manakala seorang lagi guru ugama. Kesemua guru-guru di sekolah ini adalah terdiri dari guru lelaki.

Sekolah ini mempunyai jumlah murid seramai 274 orang yang mana 142 orang daripadanya adalah terdiri dari murid lelaki manakala selebihnya 132 orang adalah terdiri dari murid perempuan. Sekolah ini menampung murid-murid dari kampung-kampung berdekatan, dan pertambahan bilangan murid-muridnya dari tahun ke tahun adalah menggalakkan. (Lihat lampiran B)

Terdapat 9 buah kelas di sekolah ini. Darjah 2, 3, 5 dan 6 masing-masing mempunyai satu kelas sahaja manakala darjah 1 dan 4 pula mempunyai 2 buah kelas. Tiap-tiap satu kelas mempunyai jumlah murid lebih kurang 40 orang.

Murid-murid dari sekolah ini melanjutkan pelajarannya ke Tingkatan I di sekolah-sekolah seperti Sekolah Menengah Rendah Pengkalan Berangan dan Sekolah Menengah Bukit Sawa manakala sekolah-sekolah ugama pula ialah di Sekolah Menengah Ugama Marang, Sekolah Menengah Ugama Durian Guling, Sekolah Menengah Zainal Abidin dan Sekolah Menengah Khairiah Kampung Kapas.

f) Projek-Projek Ekonomi di Bawah Jabatan Kerajaan

Projek-projek ekonomi yang dijalankan di Kampung Jerung Tuan dan Kampung Tok Mu Chong adalah bertujuan untuk menambahkan pendapatan penduduk kampung terutamanya petani. Di antara jabatan kerajaan yang terlibat di dalam projek-projek ekonomi di kampung ini ialah Jabatan RISDA, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Jabatan RISDA Negeri

Jabatan RISDA Negeri telah mendirikan sebuah unit Pusat Pembangunan Pekebun Kecil di Kampung Jerung Tuan dengan jumlah ahli seramai 25 orang pada tahun 1976 dan di Kampung Tok Mu Chong dengan jumlah ahli seramai 23 orang pada tahun 1977.

Pusat Pembangunan Pekebun Kecil ialah konsep pembaharuan dari pada aktiviti Pusat Memproses Getah Berkelompok yang mula ditubuhkan semenjak awal tahun enam puluhan. Ianya ditadbirkan mengikut proses-proses demokrasi melalui satu jawatankuasa yang dipilih oleh ahli-ahli sendiri.

- 21 -

Di kampung ini, RISDA mengadakan kursus-kursus untuk mengujudkan cara tanaman semula, cara membaja pokok-pokok getah, jenis-jenis baja yang diperlukan dan juga cara-cara baru menoreh getah supaya hasil yang lebih boleh didapati. Di antara bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh RISDA adalah berupa nasihat-nasihat mengenai penanaman semula getah, pemasaran, pemberian benih bermutu tinggi, racun lalang dan serangga, tanaman kacang penutup bumi dan juga dawai-dawai berduri. Beberapa orang pegawai RISDA telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan hal-hal penanaman semula dan juga untuk perkhidmatan modenisasi di kampung-kampung ini.

Pihak RISDA juga mengujudkan satu badan yang diberi nama Pemaju Masyarakat dengan tujuan untuk mempergiatkan kerja-kerja pengembangan di samping mencapai matlamat kerajaan untuk meninggikan ekonomi bumiputera terutama taraf hidup pekebun-pekebun kecil sebagaimana yang terdapat dalam Dasar Ekonomi Baru. Di Kampung Jerung Tuan dan Tok Mu Chong, pemaju masyarakatnya adalah terdiri dari Ketua Kampung sendiri. Dengan adanya Pemaju Masyarakat, pekebun-pekebun kecil tidak lagi segan-segan menyatakan keperluan-keperluan mereka dan apakah projek-projek yang baik dijalankan di kampung mereka.

Oleh itu dapat dikatakan bahawa tujuan muktamad PPPK yang ditubuhkan di kampung kajian pengkaji ini adalah untuk memodenkan usaha tani pekebun-pekebun kecil serta pembangunan mereka pada keseluruhannya dalam bidang ekonomi dan sosial melalui penglibatan bersama di antara RISDA dengan pekebun kecil.

Jabatan Pertanian

Dalam usaha untuk membantu ekonomi penduduk-penduduk kampung, Pejabat Pertanian yang beribupejabat di Bukit Payung, telah juga mengadakan beberapa projek. Di antara projek-projek yang dijalankan di Kampung Jerung Tuan dalam tahun 1980 ialah projek 'tanaman ekar' iaitu projek tanaman tembakai, durian dan rambutan. Namun begitu projek-projek ini pada keseluruhannya tidak mendapat kejayaan yang sepenuhnya kerana kawasan ini merupakan kawasan tanah tinggi dan oleh itu tidak berapa sesuai untuk tanaman ekar. Pemilikan tanah juga merupakan sebab utama kepada kegagalan projek yang hendak dijalankan kerana tanah-tanah yang diusahakan oleh penduduk-penduduk kampung ini adalah kebanyakannya kurang dari 5 ekar dan tanah-tanah ini pula berselerak kedudukannya. Di samping itu terdapat banyak tanah-tanah haram yang tidak selesai hak miliknya. Dalam hal-hal seumpama ini bantuan-bantuan dan projek penanaman secara berkelompok agak sukar untuk diusahakan. Di sebabkan ini, Pejabat Pertanian sekarang hanya memberikan perkhidmatan pemasaran iaitu menolong memasarkan barang-barang hasil pertanian orang-orang kampung dengan mencari ajen pemasaran seperti FAMA, Persatuan Peladang dan sebagainya, di samping memberi bantuan-bantuan berupa baja dan benih-benih tanaman serta nasihat-nasihat mengenai pertanian.

Di Kampung Tok Mu Chong pula kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Pejabat Pertanian adalah kurang sekali dan ini disebabkan mata pencarian penduduk-penduduk di kampung ini kebanyakannya adalah menoreh getah.

Kawasan Kampung Jerung Tuan dan Kampung Tok Mu Chong telah diserapkan ke dalam kelolaan Koperasi Peladang Bukit Payung pada tahun 1979. Sebelum ini kedua buah kampung ini adalah di bawah pengawasan Koperasi Peladang Marang.

Aktiviti-aktiviti yang strategik setakat ini masih belum lagi dapat dijalankan. Koperasi Peladang cuma memberikan subsidi dalam bentuk baja yang mana diberikan kepada kesemua petani-petani yang mengusahakan tanaman padi dengan syarat tanah tersebut mempunyai geran dan keluasannya tidak melebihi 6 ekar untuk satu keluarga.

Koperasi Peladang dalam tahun 1980 telah mendapat kelulusan dari Lembaga Padi Negara untuk memasarkan padi penduduk-penduduk kampung ini. Tetapi masih ramai juga penduduk-penduduk kampung yang menjual kepada orang tengah. Ini kerana Koperasi Peladang membeli padi dengan bayaran \$25.00 sepikul sementara orang tengah membeli dengan harga \$28.00. Pemberian kupon subsidi yang bernilai \$8.00 bagi setiap sepikul padi yang dibeli tidak difahami oleh penduduk-penduduk kampung. Ini kerana kupon-kupon subsisi itu dibayar lewat, tidak diberi serta merta semasa padi dibeli. Penanaman yang dilakukan secara kecil-kecilan dan sambilan dimana tidak adanya usaha sungguh-sungguh untuk menanam secara 'commercial' turut merupakan masalah dari segi pemasaran.

g) Latarbelakang Responden.

Dalam membuat peninjauan terhadap peranan wanita pekebun kecil di bidang ekonomi dan sosial, maka perlulah diketahui terlebih dahulu

akan latarbelakang responden-responden yang dikaji itu. Aspek-aspek seperti umur, taraf pendidikan, saiz keluarga, pekerjaan dan juga pendapatan suami adalah merupakan aspek-aspek yang perlu dikaji kerana ianya mempengaruhi penglibatan wanita-wanita tersebut samada di bidang ekonomi maupun sosial.

Untuk tujuan kajian ini 50 orang wanita dari dua buah kampung telah ditemubual dan mereka terdiri dari wanita-wanita yang berada dalam lingkungan umur 20 - 59 tahun. 40 orang iaitu 80% daripada responden-responden tersebut adalah terdiri dari penduduk-penduduk di Kampung Jerung Tuan manakala 10 orang lagi iaitu 20% terdiri dari penduduk-penduduk di Kampung Tok Mu Chong. Pengambilan responden yang sedikit dari Kampung Tok Mu Chong adalah disebabkan oleh jumlah penduduk kampung itu yang cuma terdiri dari 45 orang sahaja. Oleh itu pengambilan seramai 10 orang ini dianggap dapat mewakili keseluruhan penduduk di Kampung Tok Mu Chong tersebut.

i) Umur Responden

Umur	Bilangan	Peratus
20 - 24	14	28
25 - 29	6	12
30 - 34	6	12
35 - 39	4	8
40 - 44	7	14
45 - 49	3	6
50 - 54	6	12
55 - 59	4	8
Jumlah	50	100

Tingkat umur responden merupakan satu aspek yang perlu ditinjau kerana ianya sedikit sebanyak turut mempengaruhi penglibatan dan peranan wanita-wanita tersebut dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi.

Berdasarkan kepada data yang diperolehi, didapati bahawa lebih daripada separuh responden-responden adalah terdiri dari mereka yang berumur di antara 20 - 44 tahun yang mana bilangannya adalah seramai 37 orang ataupun 74%. Daripada jumlah ini 28% atau 14 orang adalah terdiri dari wanita-wanita yang berumur di antara 20 - 24 tahun dan ini merupakan bilangan yang terbesar di antara peringkat-peringkat umur tersebut. Sementara itu golongan yang berumur di antara 45 - 59 tahun pula, adalah seramai 13 orang iaitu cuma 26% sahaja. Oleh itu berdasarkan kepada jadual ini, dapatlah dibahagikan responden kepada 2 golongan iaitu golongan yang berumur di antara 20 - 44 tahun yang terdiri daripada ibu-ibu muda dalam sesebuah unit rumah tangga dan golongan kedua iaitu peringkat umur di antara 45 - 59 tahun yang merupakan ibu-ibu yang telah separuh umur. Sejauh mana tingkat umur ini berperanan dalam mempengaruhi penglibatan dan juga peranan wanita-wanita tersebut dalam kegiatan ekonomi dan sosial akan dibincangkan kemudiannya.

ii) Saiz Keluarga Responden

Daripada jadual di bawah dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pada keseluruhan wanita-wanita yang dikaji ini adalah mewakili golongan keluarga yang mempunyai saiz keluarga yang kecil membawa kepada sederhana. Ini dapat dilihat di mana cuma terdapat 18 orang sahaja responden yang mempunyai jumlah anak seramai 5 - 9 orang dan daripada jumlah ini cuma 7 orang sahaja yang mempunyai anak seramai 7 - 9 orang.

Jika dilihat pada purata umur isteri, didapati bahawa responden yang mempunyai bilangan anak yang ramai iaitu antara 5 - 9 orang adalah di antara purata umur 35 - 45 tahun manakala bagi yang mempunyai jumlah anak yang sedikit pula iaitu antara 1 - 4 orang purata umurnya adalah di antara 26.0 - 37.5 tahun.

Memandangkan bahawa 28% daripada responden adalah di kalangan mereka yang berumur di antara 20 - 24 tahun (lihat Rajah I), maka didapati bahawa terdapat potensi bagi wanita-wanita ini untuk menambah bilangan anak-anak mereka. Berdasarkan kepada keterangan Ketua Kampung di Kampung Jerung Tuan, didapati bahawa kadar kelahiran di kampung ini adalah meningkat dari tahun ke tahun. Kadar kelahiran di Kampung Jerung Tuan misalnya, dianggarkan sebanyak 10% manakala kadar kematian pula adalah sebanyak 4%. Ini bermakna kadar pertambahan penduduk di kampung tersebut adalah sebanyak 6%. Kadar kelahiran dan pertambahan penduduk yang tinggi ini ada kaitannya dengan perkahwinan dalam usia yang masih muda dan juga ketiadaan amalan perancang keluarga di kalangan penduduk-penduduknya.

Bilangan Anak	Purata Umur Ibu	Bilangan Responden	%
0	38	2	4
1	29.2	5	10
2	27.8	13	26
3	26	6	12
4	37.5	6	12
5	39.6	5	10
6	45	6	12
7	43.7	4	8
8	35	1	2
9	43.5	2	4

iii) Taraf Pelajaran Responden

Tingkat Pelajaran	Bil. Isteri	Peratus	Bil. Suami	Peratus
Tidak Sekolah	27	54	19	38
Darjah I (Sek.Ren.Melayu)	3	6	-	-
Darjah 2	1	2	-	-
Darjah 3	2	4	5	10
Darjah 4	1	2	-	-
Darjah 5	3	6	1	2
Darjah 6	9	18	20	40
Tingkatan I	-	-	-	-
Tingkatan II	-	-	-	-
Tingkatan III	2	4	1	2
Sekolah Dewasa	2	4	3	6
Sekolah Pondok	-	-	1	2
Jumlah	50	100	50	100

Rajah 3: TINGKAT PELAJARAN RESPONDEN DAN SUAMI

Jika dilihat taraf pelajaran responden dan suami mereka, didapati bahawa ramai di antara mereka ini yang tidak mendapat pendidikan formal. Jika diperbuat perbandingan didapati lebih separuh daripada responden-responden tersebut iaitu 54% yang tidak bersekolah. Adalah didapati juga bahawa bilangan yang tidak mendapat pendidikan formal ini melebihi bilangan suami-suami responden dalam kategori yang sama.

Daripada Rajah 3 didapati bahawa kebanyakan daripada responden

hanya mendapat pendidikan formal setakat Darjah 6 Sekolah Melayu sahaja di mana bilangannya adalah seramai 9 orang iaitu sebanyak 18%. Tiga orang responden lagi mendapat pendidikan setakat Darjah 1, seorang Darjah 2, dua orang Darjah 3, seorang Darjah 4 dan 3 orang Darjah 5. Terdapat pula dua orang responden yang memasuki kelas atau sekolah dewasa. Daripada 23 orang responden yang mendapat pendidikan formal ini, didapati cuma dua orang atau 4% sahaja yang mendapat pendidikan Sekolah Menengah Rendah iaitu setakat Tingkatan III. Didapati tidak seorang pun di kalangan responden tersebut yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat Sekolah Menengah Atas. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa responden-responden di tempat kajian ini pada keseluruhannya mempunyai taraf pelajaran yang minima sahaja.

Berdasarkan pemerhatian dan juga temubual pengkaji secara 'informal' dengan responden-responden tersebut, didapati bahawa walaupun terdapat segelintir daripada mereka yang telah sampai ke Tingkatan III, namun mereka ini belum boleh dikatakan benar-benar dapat membaca dan menulis dengan baik. Keadaan ini adalah disebabkan oleh kerana kurangnya rangsangan dan juga kerana mereka ini masih terikat kepada tradisi dan juga sikap tidak gemar membaca. Ini ditambah pula dengan tiadanya kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan di kampung tersebut.

Di samping itu terdapat juga kecenderungan bagi ibubapa untuk mengutamakan pelajaran anak lelaki dari anak perempuan. Ini dapat dilihat dari data di mana jumlah responden yang tidak bersekolah adalah seramai 27 orang dan ini berbanding dengan jumlah suami responden iaitu 19 orang sahaja. Didapati juga bahawa bilangan suami responden yang mendapat

pendidikan sekolah rendah adalah juga melebihi jumlah responden yang mendapat pendidikan yang sama di mana jumlahnya adalah 26 orang manakala bagi responden, bilangannya cuma 19 orang sahaja. Di antara 26 orang suami responden tersebut, 20 orang daripadanya berjaya mendapat pendidikan setakat Darjah 6. Ini berbanding dengan 9 orang sahaja dari responden yang berjaya sampai ke peringkat tersebut. Daripada taburan peringkat pendidikan di kalangan responden, ternyata bahawa persekolahan mereka bukanlah merupakan pendidikan dalam ertikata sebenarnya tetapi cuma semata-mata untuk membolehkan mereka setakat tahu membaca dan menulis sahaja. Kerana itulah maka didapati ada di kalangan responden yang berhenti setakat Darjah 1, 2 dan seterusnya iaitu didapati tidak menamatkan persekolahan rendah mereka. Keadaan seumpama ini berlaku disebabkan oleh sikap ibubapa terhadap pelajaran. Bagi mereka pelajaran tidak penting bagi anak perempuan kerana kedudukan mereka adalah didapur juga akhirnya. Sikap dan pandangan seumpama inilah di samping faktur-faktur sampingan lain yang telah mempengaruhi tingkat pencapaian pelajaran yang rendah di kalangan responden-responden tersebut.

iv) Pekerjaan Responden

Adalah didapati bahawa penduduk-penduduk kampung ini umumnya, masih lagi mengamalkan sistem ekonomi tradisional di mana penekanan yang lebih diberikan kepada ekonomi bercorak pertanian seperti bersawah padi, menoreh getah, berdusun, bercucuk tanam serta di samping itu menternak ayam, itik, lembu dan juga kambing. Adalah didapati bahawa hampir keseluruhan daripada responden melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pertanian ini iaitu samada secara tetap mahupun secara sambilan.

Aktiviti menoreh getah adalah merupakan pekerjaan utama bagi kebanyakan responden di kampung ini. Dalam memperkatakan tentang pekerjaan menoreh getah ini, pengkaji dapat perhatikan bahawa di kedua buah kampung ini, masyarakat pekebun kecilnya boleh dibahagikan kepada tiga golongan iaitu:-

- i) golongan yang memiliki tanah getah dan mengusahakannya sendiri.
- ii) golongan yang memiliki tanah getah sendiri tetapi mengupah orang lain mengerjakannya.
- iii) golongan yang tidak memiliki tanah getah tetapi mengambil upah menoreh di tanah getah orang lain.

Di antara 50 orang responden yang ditemubual, cuma terdapat tiga orang sahaja yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan iaitu berkedai runcit. Tidak seorang pun daripada responden yang didapati bekerja makan gaji samada dengan kerajaan ataupun pihak swasta.

Oleh itu memandangkan kepada sistem ekonomi penduduk-penduduk kampung berkenaan adalah merupakan sistem ekonomi bercorak pertanian, maka boleh dikatakan bahawa masyarakat di kampung ini merupakan masyarakat luarbandar. Ini seperti yang dinyatakan oleh Sorokin dan Zimmerman:

'the principal criterion of the rural society or population is occupation, cultivation and collection of plants and animals. Through it, rural society differ from other particularly urban.'

(dipetik dari buku Dr. Zainal Ieling (ed). m.s 214)

v) Latarbelakang Ekonomi Rumah tangga Responden

Dari segi kedudukan ekonomi keluarga responden, boleh dikatakan kebanyakan daripada mereka secara purata memperolehi hasil pendapatan yang hanyalah secukup hidup. Ini bersesuaian dengan pekerjaan mereka

yang kebanyakannya bergantung kepada sumber-sumber pertanian. Walaupun terdapat beberapa keluarga yang mempunyai pendapatan yang dikatakan lumayan tetapi bilangan ini amatlah kecil sekali. Ini terbukti di mana mereka yang berpendapatan di antara \$500.00 - \$1,000.00 sebulan adalah seramai 11 orang (22%) berbanding dengan 39 orang (78%) yang memperolehi pendapatan di antara \$100.00 - \$499.00 sebulan (lihat Rajah 4). Perlu dinyatakan bahawa kebanyakan daripada mereka yang berpendapatan lumayan ini adalah terdiri dari mereka yang melibatkan diri dengan pekerjaan lain selain daripada pertanian.

Oleh itu berdasarkan kepada data yang didapati, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa taraf hidup masyarakat di tempat kajian ini majoritinya (54%) masih lagi berada di garis kemiskinan. Kesimpulan ini diperolehi berdasarkan kepada kenyataan dari Rancangan Malaysia Keempat yang menyaran-kan bahawa keluarga yang mempunyai empat orang anak dengan pendapatan bulanan kurang daripada \$293.70 adalah tergolong dalam golongan yang dikatakan miskin.

Pendapatan (\$)	Bil. Keluarga	Peratus
100 - 200	10	20
201 - 300	17	34
301 - 400	8	16
401 - 500	4	8
501 - 600	4	8
601 - 700	1	2
701 - 800	2	4
801 - 900	2	4
901 - 1000	2	4
	50	100

RAJAH 4: PENDAPATAN KELUARGA RESPONDEN

BAB IV

PERANAN WANITA DALAM BIDANG EKONOMI

Persoalan samada patutkah atau tidak bagi wanita yang sudah berumahtangga bekerja di luar rumah, telah menjadi satu issue yang sering dibicarakan sejak dulu lagi. Tetapi mengikut Alva Myrdal dan Viola Klein dalam buku mereka 'Women's Two Roles: Home and Work,' (1956), ini bukan merupakan satu persoalan lagi. Menurut mereka:

m.s. 45

'... the problem of women and work and of women's role in society generally, has completely changed its complexion during the last few decades. It is no longer a question of what women are physically and mentally capable of doing.'

Tambah mereka lagi:

'Experience has settled the long controversy about feminine abilities and has proved that women are fit for a much wider range of activities than merely those compatible with the commonly accepted idea of weaker sex.'

Kenyataan di atas didapati benar jika diaplikasikan kepada wanita-wanita pekebun kecil di kampung kajian ini, di mana penglibatan mereka di dalam bidang ekonomi adalah merupakan sesuatu yang tidak dapat dinafikan lagi kepentingannya.

Tekanan-tekanan untuk menyediakan keperluan-keperluan asas bagi kehidupan menyebabkan perlunya wanita memikul dua tanggungjawab dan peranai itu sebagai isteri dan ibu seperti yang telah ditetapkan oleh agama dan nilai-nilai sosio-budaya masyarakat, di samping turut serta berganding bahu dengan suami atau keluarga melibatkan diri dalam bidang ekonomi di luar lingkungan rumah tangga.

Oleh itu berdasarkan kenyataan di atas, maka pandangan Biesan-Biesan dan Biesan-Biesan (1973):

'... husbands and wives should follow traditional roles, the husband as provider, the wife as housemaker and mother.'

(dipetik dari Huber Joan, 1973 M S 72)

adalah tidak berapa tepat lagi.

Pentingnya peranan wanita dalam masyarakat pekebun kecil ini dalam aktiviti ekonomi dapat dilihat dengan jelas berdasarkan pada rajah berikut:

Jenis Pekerjaan	Isteri			Suami		
	Bil.	Umur Purata	%	Bil.	Umur Purata	%
Tidak bekerja	-	-	-	2	62.5	4
Surirumah	20	26.6	40	-	-	-
Menoreh	22	43.2	44	31	31.2	62
Bersawah	5	34.6	10	-	-	-
Berkedai	3	24.6	6	3	30.9	6
Buruh	-	-	-	8	30.5	16
Nelayan	-	-	-	2	60	4
Drebar	-	-	-	2	32	4
Bertukang	-	-	-	1	45	2
Jumlah	50	-	-	49*	-	-

* seorang daripada suami responden meninggal dunia

RAJAH 5: JENIS PEKERJAAN UTAMA RESPONDEN DAN SUAMI

Rajah di atas menunjukkan adanya dua aspek bidang ekonomi yang terdapat di kampung ini; iaitu:

- a) ekonomi berbentuk pertanian.
- b) ekonomi bukan pertanian.

Daripada rajah 5 didapati penekanan wanita-wanita adalah kepada sektor pertanian terutamanya pekerjaan menoreh getah. Adalah didapati bahawa sebanyak 44% daripada wanita-wanita adalah terlibat dalam aktiviti menoreh getah sementara 10% lagi dalam aktiviti bersawah padi. Ini bermakna 54% daripada wanita-wanita ini telah menceburkan diri dalam bidang ekonomi berbentuk pertanian sebagai pekerjaan utama mereka, sementara dalam bidang ekonomi berbentuk bukan pertanian pula cuma 6% sahaja yang menjadikannya sebagai pekerjaan utama mereka. Walaupun didapati bahawa 40% daripada wanita-wanita ini yang tidak bekerja iaitu sebagai surirumah-tangga, tetapi tidak bermakna mereka ini tidak melibatkan diri langsung dalam sektor ekonomi. Ada juga di antara mereka yang menceburkan diri dalam pekerjaan-pekerjaan sambilan seperti mengambil upah membuat kuih-muih menjahit, menternak ayam itik, berkebun dan menganyam tikar.

Penglibatan mereka secara sambilan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi ini ada kaitannya dengan masalah-masalah peribadi dan juga bilangan anak. Jika dilihat pada data yang diperolehi didapati bahawa purata umur surirumah adalah 26.6 tahun yang mana pada peringkat umur ini mereka masih mempunyai anak-anak yang masih kecil lagi. Faktur-faktur lain seperti saiz keluarga, pelajaran, pendapatan suami serta sikap masyarakat, suami dan responden itu sendiri terhadap pekerjaan, turut mempengaruhi penglibatan kaum wanita di bidang ekonomi ini. Ini akan dibincangkan di Bab VI.

Ekonomi Bercorak Pertanian

a) Penanaman Getah

Menoreh getah adalah merupakan aktiviti ekonomi yang utama di kedua buah kampung ini. Dalam aktiviti ini penglibatan kaum wanitanya boleh dilihat dari dua segi iaitu:

- i) sebagai pemilik dan pengusaha tanah getah kepunyaannya sendiri
- ii) sebagai orang yang mengambil upah menoreh getah di tanah kepunyaan orang lain.

Daripada 22 orang yang melibatkan diri dalam aktiviti menoreh getah ini, didapati cuma 16 orang sahaja yang mengerjakan tanah getahnya sendiri, manakala 6 orang lagi adalah terdiri dari mereka yang mengambil upah menoreh getah di tanah orang lain.

Pola-pola pemilikan tanah getah ini dapat dilihat dalam rajah berikut

Luas Tanah Getah	Bil. Responden	Peratus
0 ekar	6	27
1 ekar	1	5
2 ekar	6	27
3 ekar	4	18
4 ekar	1	5
5 ekar	-	-
6 ekar	2	8
7 ekar	1	5
8 ekar	1	5
Jumlah	22	100

RAJAH 6: PEMILIKAN TANAH GETAH OLEH 22 ORANG DARI RIBA RESONDEN

Wanita-wanita yang melibatkan diri dalam pekerjaan menoreh getah ini memulakan tugasnya awal-awal lagi iaitu pada pukul 6.00 pagi. Mereka membawa bersama-sama lampu suluh yang diikatkan ke kepala. Kerja menoreh ini dilakukan pada waktu subuh supaya susu getah boleh bertakung di dalam mangkuk yang telah disediakan sebelum menjelangnya pukul 10.00 pagi di mana pada masa ini proses pengutipan susu getah dilakukan. Perlu dinyatakan bahawa sementara menunggu susu-susu getah ini mengalir dan bertakung di dalam mangkuk-mangkuk yang disediakan, wanita-wanita ini terutama mereka yang bekerja di ladang getah yang berhampiran dengan rumah, akan pulang dahulu ke rumah masing-masing, untuk menguruskan hal-hal rumahtangga samada menyiapkan anak-anak ke sekolah, menyediakan sarapan dan sebagainya. Hanya setelah kerja-kerja tersebut selesai diuruskan, bahanulah wanita-wanita ini kembali semula ke ladang untuk memungut susu-susu getah tersebut. Susu-susu getah ini seterusnya dibawa ke Pusat Pembangunan Pekebun Kecil untuk dibekukan dan dimesin supaya menjadi getah keping. Setelah proses ini siap dilakukan, getah-getah keping ini akan dibawa pulang ke rumah masing-masing untuk dijemur. Proses membuat getah keping ini dapat dilihat seperti di dalam gambar. (Lihat lampiran C).

Jumlah masa wanita-wanita ini bekerja di ladang getah adalah sebanyak 7 jam iaitu bermula dari pukul 6.00 pagi dan berakhir pada pukul 1.00 tengahari bilamana pada waktu ini proses pengepingan getah-getah tersebut selesai dilakukan. Bagi wanita-wanita yang bekerja di ladang yang jauh dari rumah, mereka mempunyai masa rihat lebih kurang satu atau dua jam, terpulang kepada kecekapan mereka masing-masing. Sebaliknya bagi mereka yang bekerja di ladang yang berhampiran dengan rumah dan kerana itu terpaksa pulang ke rumah untuk menguruskan kerja-kerja rumahtangga, tiada

masa rihat bagi mereka

Pendapatan yang diperolehi dari pekerjaan menoreh, adalah agak memuaskan sejak penglibatan RISDA di kampung tersebut. Pendapatan yang didapati sebulan adalah di antara \$100.00 - \$300.00 untuk dua ekar tanah dan ini adalah mencukupi untuk keperluan kehidupan keluarga penoreh-penoreh getah tersebut. Sementara itu bagi mereka yang menoreh getah orang pula, pendapatan yang diperolehi terpaksa dibahagi dua dengan tuanpunya ladang getah. Perlu juga dinyatakan di sini bahawa penjualan getah adalah mengikut keping dan selalunya satu ekar tanah dapat menghasilkan sekurang-kurangnya 4 keping getah yang berat timbangannya ialah 5 kati bagi 4 keping.

Pihak RISDA datang membeli getah di kampung ini tiap-tiap dua minggu sekali dan dengan ini penoreh-penoreh getah terutamanya kaum wanita tidaklah payah melalui orang-orang tengah. Tetapi apa yang menjadi sungutan di kalangan penoreh-penoreh tersebut ialah berkenaan dengan pembayaran harga-harga getah mereka. Walaupun **harga** yang diberikan adalah tinggi, tetapi pemberiannya adalah lewat. Kadangkala selepas dua atau tiga hari getah dijual, baharulah penoreh-penoreh ini mendapatkan duit hasil jualan getah mereka itu. Sistem ini didapati sedikit sebanyak menyulitkan kehidupan penoreh-penoreh tersebut.

Selain daripada memberikan perkhidmatan pasaran, RISDA juga memberikan bantuan-bantuan berupa baja iaitu tiga beg untuk satu ekar dan racun sebanyak dua botol kecil untuk satu ekar tanah.

b) Penanaman Padi

Penanaman padi juga merupakan salah satu daripada corak pertanian yang diceburi oleh kaum wanita pekebun kecil di kampung ini. Walaupun cuma terdapat lima orang sahaja daripada responden yang melibatkan diri dan menjadikannya sebagai pekerjaan utama, namun sebagai pekerjaan sambilan, ianya merupakan pekerjaan yang popular di kalangan penduduk-penduduk di kampung ini.

Penanaman padi di kedua buah kampung ini dijalankan hanya sekali dalam setahun iaitu bermula dalam bulan Julai dan berakhir dalam bulan April tahun berikutnya.

Penanaman padi ini biasanya dilakukan oleh kaum wanita sahaja seperti mana yang dapat dilihat dalam Rajah 5. Namun begitu mereka ini dibantu juga oleh suami mereka terutama dalam melaksanakan kerja-kerja yang berat, seperti menyediakan tapak semaihan, memperbaiki batas dan membajak dilakukan oleh kaum lelaki manakala kerja-kerja ringan seperti menyemai benih, mengetam padi, membuang lalang, mengalih semaihan dan sebagainya dilakukan oleh kaum wanita. Walaupun didapati adanya ciri-ciri pembahagian tugas yang berdasarkan kepada kekuatan fizikal, namun pembahagian ini tidaklah meluas kerana terdapatnya bukti-bukti dari pemerhatian pengkaji yang menunjukkan wanita di sini juga mampu untuk membuat kerja-kerja berat yang biasanya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja.

Seperti mana yang telah dinyatakan, penanaman padi di kedua buah kampung ini tidak dapat dilakukan lebih dari sekali setahun. Ini disebabkan oleh bekalan air yang tidak mencukupi kerana tidak adanya sistem

pengairan di kampung ini. Pengairan adalah bergantung seratus peratus kepada air hujan. Ini bermakna kegiatan penanaman padi yang dilakukan oleh kaum wanita adalah terhad dan bercorak musiman sahaja. Jenis-jenis padi yang ditanam ialah padi Mek Siah, padi Hitam dan padi Mayang Segumpal.

Pekerjaan menanam padi ini boleh dibahagikan kepada dua musim iaitu musim sibuk dan musim kurang sibuk. Musim yang dikatakan sibuk ialah musim menanam dan menuai padi manakala musim yang kurang sibuk pula ialah musim menunggu padi masak dan musim selepas menuai iaitu sementara menanam semula dilakukan.

Di musim-musim sibuk, terutama di musim menanam dan menuai, kebanyakannya daripada wanita-wanita ini akan turun ke bendang dari pukul 7.00 pagi hingga sampai 11.30 tengahari. Wanita-wanita ini akan berhenti rihat buat seketika dan akan menyambung semula kerja pada sebelah petang iaitu dari pukul 2.30 hingga 6.00 petang. Di musim-musim sibuk inilah wanita-wanita yang mempunyai kerja utama menoreh getah, memberhentikan kerja mereka buat seketika waktu, untuk menumpukan perhatian kepada aktiviti sampingan ini. Namun ada juga yang melakukan kedua-dua tugas ini dengan serentak iaitu di sebelah paginya menoreh getah manakala sebelah petangnya pula membuat kerja-kerja sawah. Tetapi menurut kebanyakan daripada wanita-wanita di sini, pada bulan Mac iaitu di musim padi dituai, mereka tidak akan pergi menoreh kerana pada waktu itu merupakan musim luruh dan penghasilan susu getah ketika ini juga turut menurun.

Dari segi keluasan tanah sawah yang dikerjakan, ianya adalah berbeza-beza iaitu dari satu ekar membawa ke empat ekar seperti dalam

rajab di bawah:

Luas Tanah Sawah (Ekar)	Bil. Responden	Peratus
0	2	11.1
1	6	33.3
2	7	38.9
3	2	11.1
4	1	5.6
Jumlah	18	100.0

RAJAH 7: PEMILIKAN TANAH SAWAH OLEH 18 ORANG RESPONDEN

Daripada 18 orang responden yang bersawah padi, 16 orang daripadanya mengerjakan sawah mereka sendiri manakala dua orang lagi mengerjakan sawah orang lain. Daripada 16 orang itu pula, cuma 5 orang sahaja yang menjadikan aktiviti penanaman padi ini sebagai pekerjaan utama mereka. 11 orang yang lainnya hanya menjadikan aktiviti ini sebagai pekerjaan sambilan mereka sahaja dan ini dimaklumi memandangkan kepada keluasan tanah responden-responden tersebut.

Tanaman padi sekali setahun di atas kawasan tanah yang tidak lebih dari 4 ekar bagi satu-satu keluarga, seperti mana yang dapat dilihat dari rajah 7, sudah tentu tidak mencukupi untuk menampung penggunaan keluarga itu untuk setahun. Menurut responden, disebabkan tiadanya sistem pengairan, maka ada kalanya hasil yang diperolehi tidak begitu lumayan terutama di musim kemarau panjang ataupun musim hujan lebat.

Disebabkan hasil yang diperolehi tidak mencukupi, maka kebanyakan daripada responden tidak memasarkan padi mereka. Oleh itu kebanyakan daripada hasil tanaman padi ini tidak mendatangkan apa-apa pendapatan berupa wang ringgit kepada responden, kecuali sebilangan kecil sahaja iaitu mereka yang mempunyai saiz keluarga yang kecil, yang dapat menikmati keuntungan daripada penjualan hasil padi ini.

Perlu dinyatakan di sini bahawa dalam kegiatan penanaman padi, penduduk-penduduk di kedua buah kampung ini mendapat bantuan daripada ajensi-ajensi kerajaan iaitu bantuan-bantuan yang berupa baja dan juga racun. Subsidi ini diperolehi daripada Pejabat Pertanian dan juga Lembaga Persatuan Peladang Bukit Payung. Dalam hal-hal menguruskan permohonan bantuan ini, tanggungjawab adalah terletak pada pihak suami. Dari segi ini, ternyata bahawa kaum wanita dari aspek-aspek tertentu masih lagi bergantung kepada pihak lelaki.

c) Penanaman Sayur-Sayuran

Kegiatan menanam sayur-sayuran juga dilakukan oleh kaum wanita di kedua buah kampung ini, di mana kegiatan ini adalah dilakukan secara sambilan. Bagi responden yang tinggal di Kampung Jerung Tuan, aktiviti pertanian ini dilakukan dengan lebih banyak lagi disebabkan oleh tanahnya yang agak subur sedikit daripada di Kampung Tok Mu Chong. Tanaman-tanaman yang biasa ditanam oleh kaum wanita ini ialah tanaman seperti jagung, tembikai, terung, kacang panjang, timun dan sebagainya. Aktiviti ini dilakukan sepanjang tahun di mana ianya ditanam di sekitar kawasan rumah. Hasil-hasil yang didapati hanya sekadar untuk makanan sekeluarga sahaja dan tidak untuk dipasarkan. Walaupun terdapat berlakunya proses jualbeli,

tetapi ianya adalah di antara responden dengan jiran tetangganya sahaja. Sekiranya terdapat lebihan dalam hasil-hasil tanaman tersebut, barulah dihantar ke kedai-kedai runcit di kampung tersebut untuk dipasarkan. Pada keseluruhannya, pendapatan yang diperolehi daripada hasil penjualan sayur-sayuran ini tidaklah mendaangkan pendapatan yang lumayan, cuma memadai untuk perbelanjaan dapur sehari-hari sahaja. Secara tidak langsung, kegiatan ini sedikit sebanyak dapat memperbaiki kedudukan ekonomi wanita-wanita pekebun kecil tersebut.

d) Berdusun Buah-Buahan

Di kampung kajian ini didapati bahawa berdusun buah-buahan juga adalah merupakan kegiatan musiman yang agak penting. Walaupun wanita-wanita pekebun kecil ini, sebahagian daripadanya tidak mempunyai dusun, tetapi pokok buah-buahan tetap ditanam di sekeliling rumah mereka. Pokok buah-buahan ini ditanam samada untuk keperluan mereka ataupun untuk berjualan secara kecil-kecilan. Pada kebiasaannya penjualan buah-buahan ini hanya dilakukan apabila terdapat lebihan dari hasil pokok-pokok buah-buahan tersebut. Penduduk-penduduk di Kampung Jerung Tuan ini kebanyakannya mempunyai dusun buah-buahan di Bukit Temiang iaitu satu kawasan yang terletak tidak jauh dari perkampungan ini. Perlu dinyatakan di sini bahawa buah-buahan yang dihasilkan tidak mendapat pasaran di kampung tersebut. Ini disebabkan hampir setiap rumah mempunyai pokok buah-buahan sendiri. Kerana itu, ada wanita-wanita di kampung ini yang menjualkan buah-buahan ini ke pekan-pekan kecil yang berdekatan samada di Pekan Wakaf Tapai ataupun pekan Pengkalan Berangan. Tetapi menurut wanita-wanita ini pendapatan yang diperolehi adalah tidak banyak tambahan pula penjualannya ini adalah mengikut musim. Namun begitu ianya memadai sekadar untuk

membantu menambahkan pendapatan yang ada sahaja.

Ekonomi Tidak Berbentuk Pertanian

Adalah menjadi kenyataan bahawa bidang ekonomi yang tidak berbentuk pertanian adalah merupakan bidang ekonomi yang memerlukan wanita bekerja di dalam rumah tangga. Contoh-contoh ekonomi yang tidak berbentuk pertanian ini adalah seperti mengambil upah menjahit, membuat kuih untuk jualan berkedai runcit, menganyam tikar dan juga menternak binatang seperti ayam, itik, lembu dan kambing. Pekerjaan seumpama ini adalah merupakan corak pekerjaan yang ideal kerana di samping mendatangkan pendapatan, pada masa yang sama juga, wanita atau ibu tersebut masih dapat lagi menjaga dan mengasuh anak-anaknya.

a) Berkedai Runcit

Di Kampung Jerung Tuan, terdapat tiga buah kedai runcit dan ketiganya adalah diusahakan oleh kaum wanita. Dua orang daripadanya adalah terdiri dari isteri-isteri penoreh getah manakala seorang lagi adalah isteri pemandu kereta sewa tetapi masih juga terlibat dalam penanaman getah.

Kedai-kedai runcit ini di samping menjual berbagai-bagai jenis barang keperluan seharian seperti gula, garam, tepung dan sebagainya, juga berfungsi sebagai kedai kopi. Di sini dijual beberapa jenis kuih samada yang dibuat sendiri oleh tuan punya kedai ataupun oleh orang lain yang menumpangkannya kuih mereka di kedai itu. Dari tiga buah kedai runcit yang didapati di Kampung Jerung Tuan ini, satu daripadanya mempunyai peti talivisyen yang menggunakan kuasa bateri. Ini adalah bertujuan untuk

menarik pelanggan-pelanggan ke kedai tersebut. Kedai-kedai runcit ini dibuka dari pukul 6.00 pagi hingga 11.00 malam.

Pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan kedai runcit ini bolehlah dikatakan agak lumayan tetapi persaingan di antaranya adalah jelas kerana kedudukan kedai-kedai runcit ini yang berdekatan antara satu sama lain. Oleh itu kedai yang dapat menarik perhatian dan minat pembeli-pembeli adalah kedai yang berjaya memperolehi keuntungan. Dalam situasi begini, cuma sebuah kedai yang dapat berbuat demikian iaitu kedai yang mempunyai peti talivisyen di mana kedai ini memperolehi pendapatan kasar sebanyak \$600.00 sebulan. Dua buah kedai lagi cuma memperolehi pendapatan kasar \$200.00 - \$335.00 sebulan.

Barang-barang runcit di kedai ini diperolehi dari pekan-pekan yang berhampiran. Terdapat van yang datang menghantarkan barang-barang tersebut. Perlu dinyatakan di sini, walaupun kedai-kedai tersebut adalah kepunyaan dan diuruskan oleh wanita-wanita tetapi dari segi pembelian barang-barang yang hendak dijual ianya diuruskan oleh suami-suami mereka.

b) Mengambil Upah Menjahit dan Membuat Kuih

Daripada 50 orang responden yang ditemui, 30 orang atau 60% daripada mereka mengatakan bahawa mereka berkebolehan untuk menjahit pakaian. Tetapi daripada jumlah 30 orang ini, cuma dua orang sahaja atau 4% sahaja yang mengambil upah menjahit. Bagi mereka yang berkenaan, pekerjaan menjahit ini selalunya dilakukan pada sebelah petang yang mana ini merupakan masa yang agak lapang sedikit dibandingkan dengan waktu-waktu lain. Kadangkala ianya juga dilakukan di sebelah malam.

Dalam mengambil upah menjahit ini, tempahan yang diterima adalah tidak tetap. Terdapat juga ciri-ciri musiman pada pekerjaan ini di mana masa yang paling sibuk bagi tempahan-tempahan ialah di musim-musim menjelang perayaan seperti menjelangnya hariraya ataupun musim nikah kahwin. Di waktu-waktu lain, tempahan tidak banyak diterima cuma sehelai dua sahaja dalam sebulan. Bayaran yang dikenakan bagi setiap pakaian adalah berbeza-beza dan ini mengikut jenis-jenis kain dan baju. Selalunya bagi sepasang baju, bayaran yang dikenakan adalah di antara \$5.00 - \$8.00.

Membuat kuih-muih juga merupakan salah satu daripada kerja-kerja sambilan yang dilakukan oleh wanita-wanita pekebun kecil ini. Kuih-kuih yang dibuat diletakkan di kedai kopi yang terdapat di kampung ini. Antara jenis-jenis kuih yang dibuat ialah karipap, jemput-jemput pisang, lepat keledek, ketupat pulut daun palas, goreng pisang, mee-hoon dan nasi dagang. Kuih-kuih ini dijual dengan harga 10 sen dan 20 sen sebiji manakala mee-hoon dan nasi dagang pula dijual dengan harga 50 sen sebungkus.

Pendapatan dan hasil kuih ini tidaklah tetap. Dalam sebulan kadang-kadang mereka memperolehi pendapatan kasar sebanyak \$60.00 dan kadang-kadang cuma \$20.00 - \$30.00 sahaja. Ini bergantung kepada sambutan penduduk-penduduk kampung tersebut. Tetapi perlu dinyatakan bahawa penjualan kuih-muih tidaklah berapa menguntungkan. Ini adalah kerana orang-orang kampung didapati lebih gemar membuat kuih-muih sendiri daripada membelinya di kedai-kedai. Namun begitu, walaupun membuat kuih-muih untuk jualan ini tidak mendatangkan pendapatan yang lumayan tetapi ianya mencukupi sekadar untuk menampung keperluan harian.

c) Menganyam Tikar

Ramai wanita di komuniti ini mempunyai kebolehan di dalam menganyam tikar. Tetapi kebanyakannya mereka hanya menganyam sekadar untuk memenuhi masa lapang mereka di samping digunakan untuk keperluan sendiri. Jarang sekali di antara mereka yang menganyam tikar sebagai kerja tetap dan menghasilkannya untuk jualan. Ini adalah kerana daun-daun mengkuang di kawasan kampung ini adalah tidak banyak dan oleh itu tikar-tikar yang dapat dibuat adalah terhad dan dengan itu tidak dapat diperniagakan. Menurut mereka yang terlibat, satu bidang tikar dapat disiapkan dalam tempuh masa tiga atau empat hari jika ia dilakukan dengan tekun. Tetapi pekerjaan menganyam tikar ini adalah merupakan satu proses yang rumit di mana sebelum mengkuang dapat digunakan untuk menganyam, ia terpaksa melalui berbagai-bagai proses tertentu. Disebabkan ini jugalah maka pekerjaan ini tidak mendapat tempat di kalangan wanita-wanita pekebun kecil di kampung ini.

d) Penternakan Binatang

Selain daripada kerja-kerja yang disebutkan di atas terdapat juga satu kerja sambilan yang agak popular di kalangan responden. Pekerjaan yang dimaksudkan itu ialah menternak lembu-lembu, kambing, ayam dan itik. Tetapi di antara empat jenis binatang ternakan ini, pemeliharaan ayam dan itik adalah merupakan yang lebih popular. Kebanyakan responden mempunyai jumlah binatang ternakan yang kecil bilangannya iaitu di antara 4 - 12 ekor sahaja. Binatang-binatang ini kebanyakannya dipelihara untuk keperluan sendiri iaitu di waktu-waktu hari-hari perayaan ataupun kenduri kendara. Namun terdapat juga yang menjualkannya secara kecil-kecilan,

bukan kepada penduduk-penduduk kampung itu sendiri tetapi kepada orang-orang luar.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa penglibatan kaum wanita pekebun kecil ini dalam aktiviti ekonomi adalah merupakan sesuatu yang menggalakkan. Wanita-wanita ini didapati bukan sahaja melibatkan diri dalam kegiatan penanaman getah semata-mata tetapi juga turut melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi lainnya. Ini menurut mereka adalah kerana penanaman getah bukanlah merupakan suatu pekerjaan yang boleh menjamin kehidupan. Ada kalanya harga getah di pasaran jatuh dan seringkali pula aktiviti ini tidak dapat mendatangkan pendapatan terutama di musim tengkujuh di mana penorehan tidak dapat dijalankan.

Penglibatan kaum wanita dalam aktiviti ekonomi ini bukan sahaja berhubungan dengan penanaman getah semata-mata. Ia juga di dalamnya dan dalamnya merentaskan kepentingan dalam perniagaan. Perniagaan ini bukan sekadar untuk penyelesaian keperluan mereka. Institusi masyarakat juga ada yang berperanan.

a) Peran wanita Terhadap Perniagaan

i) Peran di Bidang Penanaman

Penanaman adalah aktiviti teknikal yang memerlukan ilmu pengetahuan dan teknologi serta teknik yang berkaitan dengan teknologi sains dan teknologi sosial yang bersifat teknikal seperti arbori, teknologi tanah, teknologi air dan teknologi pengeluaran hasil tanaman. Selain itu masih lagi ada teknologi pengeluaran hasil hasil pertanian.

BAB V

PERANAN WANITA DALAM BIDANG SOSIAL

Di dalam bab ini, penumpuan akan dibuat di sekitar peranan sosial yang dimainkan oleh wanita-wanita pekebun kecil. Ini akan ditinjau dari dua aspek iaitu peranan wanita secara formal dan juga secara informal.

Peranan wanita secara informal akan melibatkan peranannya sebagai ibu dan juga isteri. Dalam ertikata lain, akan dilihat hubungan responden dengan keluarganya, bagaimana responden membahagikan masanya antara kerja di dalam rumah tangga dengan kerja di luar rumah tangga, bagaimana responden mendidik anak-anak dalam proses mensosialisasikan mereka, serta akan ditinjau juga perhubungan responden dengan jiran tetangga dan lain-lain aspek yang berhubung dengan sebuah rumah tangga.

Peranan wanita secara formal pula akan menyentuh aspek penyertaan wanita dalam pertubuhan-pertubuhan sosial yang ada di kampung, di mana di dalam hal ini akan dilihat penglibatan responden dalam pertubuhan Persatuan Wanita Pekebun Kecil yang merupakan satu-satunya institusi sosial yang ujud **di** kampung ini.

a) Peranan Wanita Yang Bersifat Informatif

i) Peranan Di Dalam Rumah Tangga

Rumah tangga boleh didefinisikan sebagai satu tempat kediaman di mana terdapat satu unit sosial yang terkecil sekali iaitu keluarga asas dan keluarga asas ini pula yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak adalah merupakan unit kekeluargaan yang penting sekali terutama dalam

kehidupan sehari-hari orang-orang Melayu.

Rumahtangga telah didefinisikan oleh Smith (1972, m.s.301) sebagai:

'... a group of people who habitually share a common dwelling and a common food supply.'

sementara keluarga pula ditakrifkan oleh Burgess dan Locke (1963, m.s.7) sebagai:

'... composed of persons united by the ties of marriage, blood or adoptions... constituting a simple house-keeping unit interacting and inter-communicating with each other in their respective social role of husband and wife, mother and father, brother and sister, creating a common culture.'

Dalam sesebuah rumahtangga suami merupakan sumber pencari nafkah yang utama sementara isteri pula adalah sebagai surirumah yang menguruskan hal-hal di dalam rumahtangga, malah inilah yang merupakan peranan 'ideal' bagi seseorang isteri atau wanita itu. Ini dapat dilihat dari pernyataan Michael Swift dalam artikelnnya 'Men and Women in Malay Society' yang terdapat dalam buku 'Women in New Asia':

'A wife's primary task is the performance of domestic duties, cooking, running the household, and caring for the children. If she can perform those duties well and without nagging, then she is a good wife.'

(Dipetik dari Barbara E.Ward, 1963, m.s.277)

Pada idealnya, peranan seseorang wanita itu hanyalah semata-mata sebagai surirumahtangga sahaja, yang menumpukan sepenuh masa pada keluarga dan rumahtangga. Tetapi ini pada realitinya, tidaklah benar. Di kampung kajian pengkaji, terdapat 40% daripada responden yang cuma memainkan peranan semata-mata sebagai surirumah, manakala 60% lagi memainkan dua peranan iaitu sebagai surirumah, di samping melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi di luar rumahtangga.

Pembahagian tugas antara suami dan isteri boleh didapati, malah agak ketara, sekiranya dilihat dari segi kerja-kerja yang dilakukan di sekitar rumah tangga. Didapati seolah-olah terdapat kecenderungan untuk isteri melakukan kerja-kerja di dalam rumah sahaja seperti memasak, membasuh dan lain-lain pekerjaan dapur, sementara kerja-kerja di luar rumah yang agak berat dan memerlukan tenaga fizikal, seperti mengangkut air, mengumpul kayu-kayu api dan membersihkan semak-samun sekeliling rumah, dilakukan pula oleh pihak suami.

Di kampung kajian ini walaupun wanitanya didapati ada yang bekerja di luar rumah tangga sebagai penoreh, pesawah padi dan sebagainya, tetapi ini tidak bermakna mereka mengabaikan terus tanggungjawab mereka sebagai isteri dan ibu dalam sesebuah rumah tangga. Urusan-urusan rumah tangga tetap dijalankan seperti biasa. Bagi wanita-wanita yang mempunyai anak-anak gadis atau anak-anak yang telah dewasa, ini tidak mendatangkan masalah kerana kerja-kerja rumah tangga diserahkan kepada anak-anak tersebut untuk menguruskannya. Cuma di sini tugas isteri hanya mengarahkan sahaja apa-apa yang harus dibuat oleh anak-anak itu.

Berlainan halnya bagi wanita-wanita yang bekerja tetapi mempunyai anak-anak kecil yang masih di bangku sekolah. Mereka ini terpaksa membahagikan masa antara tugas-tugas di dalam rumah tangga dengan tugas-tugas di luar rumah tangga. Bagi golongan ini tanggungjawab yang dipikul agak berat juga. Mereka terpaksa bangun di waktu subuh hari lagi. Wanita-wanita yang mana mempunyai ladang getah yang agak jauh dari rumah, akan terlebih dahulu menyediakan sarapan pagi untuk anak-anak sebelum pergi memulakan kerja di ladang. Bagi mereka yang mempunyai ladang getah ber-

hampiran dengan rumah pula, selalunya di waktu-waktu subuh begini, mereka akan pergi ke ladang terlebih dahulu. Setelah pokok-pokok getah ditoreh dan sementara menunggu susu getah bertakung di dalam mangkuk untuk dipungut, wanita-wanita ini akan pulang dahulu ke rumah untuk menguruskan anak-anak mereka yang hendak ke sekolah. Hanya setelah tugas di rumah dibereskan, baharulah mereka pulang semula ke ladang getah menyambung semula kerja-kerja yang tergendala.

Kerja-kerja di ladang getah selalunya berakhir kira-kira pada pukul 12.30 tengahari di mana pada masa ini getah-getah telah siap diproses di Pusat Pemulihan Pekebun Kecil. Wanita-wanita ini akan pulang ke rumah masing-masing. Namun ini tidak bermakna tugas sehari-hari mereka turut selesai. Di rumah, wanita-wanita ini terpaksa pula menyediakan makanan untuk makan tengahari, membasuh kain-kain baju yang kotor dan lain-lain kerja rumah yang belum dibereskan.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat satu masalah yang sering dihadapi oleh wanita-wanita yang bekerja di luar rumah tangga dan masalah ini adalah merupakan persoalan mengenai penjagaan anak-anak mereka yang masih kecil semasa ketiadaan mereka di rumah. Seperti yang dinyatakan, bagi wanita-wanita yang mempunyai anak-anak yang telah dewasa, ini tidak merupakan satu persoalan kerana anak-anak tersebut dapat mengawasi adik-adik mereka di samping membantu dalam pengurusan keluarga dan rumah tangga sehari-hari. Tetapi bagi mereka yang tiada, masalah ini diatasi dengan meminta bantuan jiran-jiran yang berdekatan. Malah dari pemerhatian pengkaji terdapat setengah daripada wanita-wanita ini yang meninggalkan sahaja anak-anak mereka bersendirian di rumah sewaktu mereka bekerja. Bagi

pengkaji, ini sesuatu yang tidak patut diamalkan kerana ianya boleh mendatangkan kesan-kesan buruk atau keadaan yang tidak diingini.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kaum wanita memainkan peranan yang penting di dalam mendidik dan membimbing anak-anak mereka menjadi manusia dan ahli masyarakat yang berguna. Ini dimaklumi kerana anak-anak pada kebiasaannya mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan ibu daripada bapanya.

Proses sosialisasi seseorang kanak-kanak itu samada secara formal atau informal pada kebiasaannya bermula sejak anak-anak itu masih kecil lagi. Melalui proses sosialisasi inilah sifat dan sikap peribadi anak-anak itu dapat dibentuk. Ibu merupakan orang yang paling berperanan dalam hal-hal seumpama ini. Ibu selalunya mengajar anak-anak mengaji Al-Quran dan mendirikan sembahyang serta lain-lain ibadat yang disuruh di dalam ugama Islam. Malahan ia jugalah yang mengajar dan melatih anak-anaknya terutama anak-anak perempuan kerja-kerja rumah, yang mana pembelajaran ini dilakukan secara informal. Di sini dapat dikatakan bahawa ibulah yang mencorakkan hidup anaknya.

Pentingnya kedudukan dan peranan wanita dalam rumah tangga dapat juga dilihat dari segi 'decision-making'. Isteri memainkan peranan penting dalam membuat keputusan-keputusan mengenai hal-hal rumah tangga umpamanya dalam menentukan barang-barang keperluan dapur yang akan dibeli, apa yang akan dimasak untuk sarapan pagi, makan tengahari dan seterusnya, menentukan samada perabut-perabut rumah perlu dibeli atau ditukar dan sekiranya hendak diadakan khenduri-khendara seperti yang dikenali sebagai 'makan

pulut' di sini, isterilah yang selalunya membuat keputusan menentukan hari-hari yang sesuai. Malah isteri juga didapati mempunyai pengaruh besar dalam memilih jodoh anak-anak mereka. Begitulah berpengaruhnya peranan seorang wanita dalam sesebuah rumah tangga.

ii) Peranan Wanita Pekebun Kecil Di Luar Rumah Tangga

Peranan wanita di luar rumah tangga adalah antara lainnya melibatkan perhubungan antara wanita-wanita tersebut dengan jiran tetangganya. Pentingnya hubungan sesebuah keluarga dengan jirannya adalah kerana ia mengujudkan kemesraan dan perasaan 'kekitaan' dalam masa-masa kesenangan dan juga kesusahan. Di kampung kajian pengkaji, hubungan yang erat antara jiran tetangga adalah ketara sekali, malah boleh dikatakan bahawa sifat inilah yang merupakan ciri tipikal bagi sebuah kampung Melayu.

Hubungan yang erat ini dapat diujudkan kerana wanita-wanita di kampung tersebut mempunyai ciri-ciri budaya yang sama. Selalunya pada waktu-waktu petang, wanita-wanita ini didapati berkumpul di hadapan rumah, berbual-bual sesama mereka. Dari perbualan-perbualan secara informal inilah wanita-wanita tersebut dapat mengenali jiran tetangga mereka dengan lebih dekat lagi. Hubungan yang erat ini bukan sahaja dilahirkan menerusi perbualan-perbualan di waktu lapang tetapi juga dilakukan pada waktu-waktu bekerja. Bagi wanita yang bekerja di ladang yang agak jauh dari rumah mereka, masa yang terluang sementara menantikan susu getah bertakung ke dalam mangkuk digunakan untuk berbual-bual kecil dengan kawan-kawan yang bekerja berhampiran dengan ladang getah mereka. Perbualan ini kadangkala berterusan hingga ke tempat memproses getah tersebut. Secara tidak langsung dengan berbual-bual kecil ini kepenatan semasa bekerja tidak berapa dirasakan.

Perhubungan yang erat dan mesra ini, yang dilahirkan semasa sedang bekerja, dapat juga dilihat dalam kegiatan mengemping padi. Kemesraan antara mereka ini dapat dilihat seperti dalam gambar di bawah.



Wanita-Wanita Sedang Mengemping Padi

Mereka didapati bekerjasama dan bergilir-gilir tugas membuat kerja-kerja mengemping tersebut. Apabila selesai dan dibahagi-bahagikan hasil empingan mereka, satu jamuan kecil-kecilan, dengan menjemput jiran-jiran yang berdekatan akan diadakan. Bila ditanya apakah tujuannya, maka jawapan yang pengkaji dapati ialah supaya rakan-rakan lain yang tidak turut sama mengemping padi akan turut sama merasai hidangan emping padi tersebut. Di sini dapat dilihat betapa eratnya perasaan kekitaan di kalangan wanita-wanita tersebut.

Peranan wanita secara informal ini juga kelihatan pada waktu-waktu khenduri-khendara di mana pada waktu-waktu seumpama ini semangat tolong menolong dalam kerja-kerja memasak dan sebagainya amat ketara sekali. Pertolongan ini bukan mengharapkan kepada upahan tetapi adalah secara sukarela. Apa yang berlaku di sini ialah pertukaran dalam perkhidmatan dalam ertikata jika pada masa kini pertolongan diberikan kepada sebuah keluarga, kemudian di hari lain pula jika diperlukan keluarga yang dibantu itu akan memberikan pertolongan pula pada keluarga yang menolongnya. Terdapat hubungan timbal balik dalam hal-hal seumpama ini.

Perasaan 'kekitaan' di antara wanita-wanita ini jelas kelihatan dalam perlakuan mereka sehari-harian. Ini dapat dilihat dari pemberian barang-barang masakan seperti kuih-muih dan sebagainya kepada jiran-jiran yang berhampiran. Jiran yang diberikan kuih itu kemudiannya akan memberi sepiring kuih atau lauk-pauk sebagai balasan. Perasaan 'kekitaan' yang menebal ini adalah difahami kerana di kampung kajian pengkaji ini, penghuni-penghuninya bukanlah merupakan orang luar tetapi mempunyai ikatan-ikatan kekeluargaan.

Perasaan 'kekitaan' ini juga jelas bila dilihat dari segi politik penduduk-penduduk kampung tersebut. Daripada pemerhatian pengkaji didapati ada ujudnya pengelompokan atau golongan yang berlainan ideologi politiknya, di mana dalam kes ini perbezaan fahaman politik ini adalah di antara Parti UMNO dan PAS. Namun begitu keadaan ini tidaklah seburuk yang disangka hingga boleh menimbulkan keadaan yang tidak diingini. Walau apapun fahaman politik yang diikuti, ianya tidaklah begitu mempengaruhi pergaulan antara wanita-wanita di kampung tersebut. Dengan lain

kata, keadaan pengelompokan berdasarkan parti politik ini cuma ketara di kalangan kaum lelakinya sahaja, sedangkan pergaulan antara kaum wanita-nya tetap seperti biasa.

Hubungan-hubungan wanita yang bersifat informal di luar rumah-tangga ini, dilahirkan juga menerusi perjumpaan-perjumpaan semasa mengikuti syarahan-syarahan atau kelas-kelas ugama di surau di kampung tersebut. Seperti dimaklumi, pada tiap-tiap hari Selasa, terdapat seorang guru dari Pejabat Ugama yang datang mengajar di surau di Kampung Jerung Tuan ini. Dalam keadaan seumpama ini, perhubungan bukan sahaja ujud antara sesama wanita di kampung itu tetapi juga melibatkan hubungan-hubungan antara wanita-wanita dari kampung-kampung lain yang berdekatan. Perhubungan ini biasanya bukan berakhir setakat perjumpaan di surau sahaja tetapi berlarutan hingga ke rumah di mana selalunya kenalan-kenalan baru ini dijemput datang ke rumah mereka. Pada kebiasaannya hidangan yang berupa kuih-muih disediakan untuk guru yang datang mengajar tersebut. Di sinilah semangat kerjasama dan persefahaman serta sifat bertolak ansur di antara wanita-wanita tersebut dapat dikesan, kerana selalunya wanita-wanita tersebut bergilir-gilir dalam menyediakan juadah kuih-muih ini.

Dalam melihat peranan wanita yang bersifat informal di rumah-tangga ini, eloklah sekiranya disentuh juga tentang hubungan yang ujud antara anak-anak ~~sadis~~ pekebun kecil ini. Seperti juga dengan wanita-wanita yang sudah berumah tangga, mereka ini juga mengujudkan hubungan antara mereka melalui perbualan-perbualan dan kunjung mengunjung ke rumah rakan-rakan mereka. Di waktu-waktu lapang mereka ini didapati berkumpul di halaman-halaman rumah, kadangkala didapati bermain permainan congkak, satu permainan yang paling dipgemari, dan kadangkala pula mereka bersiar-

siar bersama-sama rakan-rakan di sekitar kampung tersebut.

b) Peranan Wanita Yang Bersifat Formal

Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil adalah merupakan satu-satunya institusi atau pertubuhan sosial yang ujud di kampung ini. Penubuhannya di Kampung Jerung Tuan ialah pada hari Selasa 16 haribulan September tahun 1980 dengan jumlah ahli seramai 29 orang.

Tujuan penubuhan Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil atau lebih dikenali dengan nama singkatannya PWPK, dapat dibahagikan kepada dua iaitu tujuan-tujuan jangka panjang dan tujuan-tujuan jangka pendek.

Tujuan jangka panjang adalah untuk mengujudkan semangat kemasyarakatan di kalangan wanita-wanita pekebun kecil iaitu memberikan latihan dan bimbingan yang boleh membawa ke arah meninggikan taraf hidup dan mutu keluarga yang seterusnya akan membawa kepada ujudnya masyarakat yang sihat dan progresif.

Tujuan-tujuan jangka pendek pula ialah:-

- i) untuk memberi peluang kepada kaum wanita pekebun kecil mengambil bahagian yang cergas dalam kehidupan dan kemajuan masyarakat pekebun kecil.
- ii) memberi peluang kepada kaum wanita untuk bertukar-tukar fikiran, pengetahuan dan kemahiran.
- iii) untuk menggalakkan wanita-wanita pekebun kecil menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi.

- iv) memberi latihan dan bimbingan mengenai kesihatan dan kebersihan, pemakanan, penjagaan dan pendidikan anak, menyediakan makanan (memasak), membuat pakaian, menguruskan ekonomi keluarga, membuat pertukangan tangan, memberi latihan rohani dan keugamaan dan lain-lain pengetahuan yang boleh menolong menyempurnakan tugas-tugas wanita dan ibu.
- v) untuk memupuk semangat kepimpinan di kalangan kaum wanita dengan adanya penubuhan jawatankuasa PWPK.

Pengambilan ahli-ahli PWPK adalah terbuka kepada semua kaum wanita ahli keluarga pekebun kecil yang berumur tidak kurang daripada 13 tahun. Tiap-tiap wanita yang diterima menjadi ahli dikenakan yuran pendaftaran sebanyak \$1.00 dan yuran bulanan sekurang-kurangnya 20 sen atau \$2.40 setahun.

Seperti institusi-institusi atau pertubuhan-pertubuhan sosial lainnya, PWPK juga mempunyai jawatankuasa yang terdiri dari 9 orang yang dipilih dan dilantik oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PWPK. (Lihat Lampiran D).

Daripada temubual pengkaji dengan 50 orang responden, didapati cuma terdapat 5 orang sahaja daripada mereka yang menjadi ahli jawatankuasa PWPK. Kelima-lima mereka ini adalah dalam lingkungan umur 20an. Namun perlu juga dinyatakan di sini bahawa 2 orang daripada mereka ini apabila ditemubual, tidak mengaku sebagai ahli jawatankuasa. Keadaan seumpama ini berlaku mungkin disebabkan oleh masalah-masalah peribadi responden berkenaan. Di samping itu, dari penyelidikan pengkaji seterusnya, didapati bahawa ahli jawatankuasa PWPK di Kampung Jerung Tuan ini adalah

juga terdiri dari kalangan anak-anak gadis pekebun kecil. Seramai 4 orang daripada ahli jawatankuasa itu adalah terdiri dari anak-anak gadis yang mana 3 orang daripadanya mempunyai latarbelakang pendidikan Tingkatan 3.

Daripada perhatian pengkaji didapati bahawa penglibatan kaum wanita pekebun kecil dalam pertubuhan PWPK ini adalah tidak begitu memuaskan. Ianya hanya melibatkan segelintir penduduk kampung sahaja. Daripada 50 orang responden yang ditemubual, cuma 21 orang sahaja yang melibatkan diri dalam pertubuhan ini sementara 29 orang lagi tidak. Ini dapat dilihat sepetimana dalam Rajah 8 di bawah.

Peringkat Umur Responden (Tahun)	Jumlah Responden	Persatuan Wanita Pekebun Kecil			Bil. tidak serta	%
		Bil. Penyertaan	%			
20 - 24	14	8	16	6	12	
25 - 29	6	1	2	5	10	
30 - 34	6	3	6	3	6	
35 - 39	4	3	6	1	2	
40 - 44	7	1	2	6	12	
45 - 49	3	1	2	2	4	
50 - 54	6	3	6	3	6	
55 - 59	4	1	2	3	6	
Jumlah	50	21	42	29	58	

RAJAH 8: PENYERTAAN WANITA DAIAM PERKUMPUIAN WANITA PEKEBUN KECIL.

Wanita-wanita yang melibatkan diri dalam PWPK ini majoritinya adalah terdiri dari mereka yang berumur di antara 20 - 24 tahun, di mana penglibatannya adalah sebanyak 16%. Ini dimaklumi kerana pada peringkat umur ini, responden masih muda lagi dan setengahnya pula baru mendirikan rumah tangga. Dengan lain kata tanggungjawab mereka pada peringkat umur ini masih belum berat lagi di mana mereka mempunyai banyak masa lapang di samping mempunyai minat yang lebih dalam mempelajari hal-hal urusan rumah tangga. Sementara itu penyertaan wanita-wanita yang telah berumur amat kecil sekali bilangannya. Kenapa keadaan atau pola-pola penglibatan seumpama ini berlaku akan dibincangkan dalam bab VI nanti.

Perlu juga dinyatakan di sini bahawa di Kampung Tok Mu Chong tidak seorang pun didapati melibatkan diri dalam pertubuhan PWPK ini. Alasan yang diberikan adalah kerana perjumpaan perkumpulan ini diadakan di Kampung Jerung Tuan yang jauhnya lebih kurang 1 batu dari kampung mereka. Oleh itu sukar bagi mereka untuk menghadiri aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh perkumpulan tersebut.

Kegiatan-kegiatan PWPK buat sementara ini dijalankan di Setor Pusat Pembangunan Pekebun Kecil. (Lihat Lampiran E). Ianya dilengkapkan dengan sebuah dapur minyak, tiga buah periuk aluminium, sebuah kuali aluminium, sebuah pengukus aluminium, dua buah loyang pengukus dan sebuah alat penimbang. Kesemua alat-alatan ini disediakan oleh pihak RISDA. PWPK Kampung Jerung Tuan juga mempunyai sebuah mesin membuat mee kuning yang mana ini dibeli dengan menggunakan duit persatuan.

Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh PWPK ini adalah mengikut

musiman. Daripada pemerhatian pengkaji selama 5 minggu di kampung tersebut, didapati bahawa kegiatan-kegiatan persatuan diberhentikan semasa musim menanam dan menuai padi. Waktu-waktu ini merupakan waktu-waktu yang paling sibuk bagi wanita-wanita di kampung ini dan sekiranya kegiatan persatuan diteruskan juga, ianya tidak mendapat sambutan dari wanita-wanita tersebut.

Di Kampung Jerung Tuan setakat ini, hanya aktiviti dalam bahagian projek ekonomi sahaja yang berfungsi atau dijalankan. Projek-projek atau aktiviti-aktiviti dalam bahagian kesihatan atau kebudayaan dan sukan, bahagian hal ehwal ugama dan kemasyarakatan serta projek-projek dalam bahagian urusan rumahtangga, masih belum lagi dijalankan. Ini disebabkan ketiadaan guru-guru untuk mengajar.

Kegiatan-kegiatan PWPK ini dimulakan hanya pada bulan Disember iaitu sebulan setelah penubuhannya, di mana kegiatan yang dijalankan adalah merupakan projek membuat mee kuning. (Lihat Lampiran E). Daripada lapuran bulanan yang diperolehi dari Penolong Pegawai RISDA, wanita yang bertanggungjawab dalam mengendalikan kelas bagi kawasan ini, didapati bahawa kehadiran ahli dalam kelas tersebut adalah berjumlah 20 orang. Projek membuat mee kuning ini diteruskan pada perjumpaan-perjumpaan berikutnya.

Perlu dinyatakan di sini bahawa aktiviti-aktiviti PWPK di kampung ini dijalankan tiga kali dalam seminggu iaitu pada hari-hari Isnin, Rabu dan Sabtu pukul 3.00 petang. Tetapi pada pemerhatian pengkaji ini merupakan sesuatu yang ideal sahaja. Dalam keadaan sebenarnya, ini tidak berlaku. Dengan lain kata, kegiatan-kegiatan itu kadangkala

dibatalkan samada oleh kerana tidak cukup ahli dan sebagainya.

Mee kuning yang dihasilkan oleh ahli-ahli PWPK ini adalah bertujuan untuk dijual di mana keuntungan daripada jualan ini akan dapat memperbaiki atau menambahkan lagi kewangan persatuan. Mee yang dihasilkan itu diletakkan di kedai-kedai di dalam kampung dan dijual dengan harga 60 sen sekati.

Selain daripada projek membuat mee kuning, diadakan juga projek membuat kerepek pisang. Sepertimana dengan projek mee kuning, kerepek-kerepek pisang ini juga dijual kepada penduduk-penduduk kampung dengan harga 50 sen bagi sekampit plastik.

Menyentuh tentang sambutan yang diberikan oleh wanita-wanita pekebun kecil dalam projek-projek ekonomi yang dijalankan oleh PWPK ini, dapat dikatakan bahawa ianya adalah kurang memuaskan. Kehadiran ahli-ahli cuma ramai pada peringkat permulaan sahaja. Misalnya sepertimana yang pengkaji lihat daripada lapuran bulanan persatuan tersebut, didapati bahawa pada peringkat permulaan membuat mee kuning, kehadiran ahli adalah seramai 20 orang. Tetapi jumlah ini berkurang dari bulan ke bulan hingga kadangkala cuma terdapat 7 orang sahaja yang hadir dalam perjumpaan tersebut. Perlu juga dinyatakan bahawa kebanyakannya daripada mereka yang menghadiri kelas-kelas ini adalah terdiri dari golongan-golongan muda dan juga anak-anak gadis. Ada juga keadaan di mana setengah daripada wanita-wanita tersebut membawa bersama anak-anak kecil mereka menghadiri kelas-kelas yang diadakan itu.

Dari perbualan dengan wanita-wanita tersebut, didapati bahawa mereka ini tidak berminat dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan sekarang. Mereka lebih suka sekiranya PWPK ini mengadakan kelas masakan, jahitan dan sulaman. Menurut mereka pelajaran-pelajaran seumpama ini adalah lebih mendatangkan faedah kepada mereka. Disebabkan inilah maka terdapat setengah daripada wanita-wanita tersebut terutamanya di kalangan anak-anak gadis, yang pergi menyertai kelas-kelas masakan dan jahitan yang diadakan di Kampung Jerung Surau iaitu merupakan perkampungan yang berhampiran dengan Kampung Jerung Tuan.

Keseluruhanya dapat dikatakan bahawa daripada pemerhatian pengkaji mengenai pertubuhan PWPK ini, ternyata yang ianya gagal dalam mencapai matlamatnya yang sebenar. Dari 21 orang responden yang menjadi ahli PWPK, cuma segelintir sahaja yang betul-betul melibatkan diri dalam persatuan tersebut, dan mereka ini pula majoritinya adalah terdiri dari ahli-ahli jawatankuasa PWPK itu sendiri. Tetapi ada juga di antara ahli jawatankuasa ini yang tidak mengambil berat akan kegiatan-kegiatan persatuan tersebut.

Kesimpulannya, didapati bahawa penglibatan wanita-wanita pekebun kecil dalam bidang sosial yang bersifat formal adalah kurang memuaskan. Apa yang ketara lagi berkesan ialah peranannya dalam bidang sosial yang spontan dan bersifat informal. Peranan yang dimainkan oleh mereka cara demikian telah dapat mengujudkan semangat perpaduan dan kekitaan di kampung tersebut.

BAB VI

FAKTUR-FAKTUR YANG MEMPENGARUHI PENGLIBATAN WANITA DALAM BIDANG EKONOMI DAN SOSIAL

Penglibatan kaum wanita kekebumen kecil di bidang ekonomi dan sosial adalah merupakan suatu yang tidak dapat dinafikan lagi akan keujudannya di kampung kajian ini. Ini telah dibicarakan di dalam bab sebelumnya. Cuma yang menjadi persoalan kini ialah mengenai pola-pola penglibatan wanita-wanita kekebumen kecil tersebut di dalam kedua bidang ini. Dengan lain kata didapati bahawa di antara wanita-wanita yang dikaji, ada yang melibatkan diri secara aktif manakala ada pula setengahnya yang tidak melibatkan diri langsung baik di bidang ekonomi maupun sosial. Kenapa pola-pola sedemikian terjadi, adalah merupakan persoalan yang akan dibincangkan di dalam bab ini.

Di dalam meninjau faktur-faktur yang mempengaruhi penglibatan wanita khususnya wanita yang telah berumah tangga di dalam bidang ekonomi dan sosial ini, pengkaji telah menggunakan beberapa teori yang dikemukakan oleh beberapa orang pengkaji-pengkaji sains sosial yang antara lainnya ialah Kreps (1976), Laws (1979) dan Mildred W. Weil (1961).

Teori-teori ini digunakan sebagai asas di dalam perbincangan ini dan pengkaji akan cuba mengaplikasikannya kepada kawasan kajian untuk melihat samada kenyataan yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji mengenai peranan-peranan wanita itu, dapat digunakan atau tidak dalam konteks masyarakat kekebumen kecil ini.

Dari kajian pengkaji didapati tidak ada pembahagian yang khusus yang dapat membezakan di antara faktur-faktur pendorong dengan faktur-faktur penghalang kepada penglibatan kaum wanita pekebun kecil ini dalam bidang ekonomi dan sosial. Faktur-faktur ini sering berkait rapat dan berhubungan di antara satu sama lain. Terdapat seolah-olah 'overlapping' di dalam faktur-faktur tersebut iaitu dalam ertikata satu faktur penghalang itu boleh juga merupakan faktur pendorong dan begitu juga sebaliknya.

Secara keseluruhan faktur-faktur yang membawa kepada corak-corak penglibatan kaum wanita pekebun kecil dalam bidang sosio-ekonomi di kampung kajian ini dapat dibahagikan secara kasar kepada dua bahagian iaitu faktur ekonomi dan juga faktur bukan ekonomi. Faktur ekonomi adalah yang berkaitan dengan pendapatan suami dan keperluan rumah tangga manakala faktur bukan ekonomi pula adalah merupakan faktur-faktur seperti umur, pelajaran, sikap suami ataupun masyarakat serta kedudukan perkahwinan iaitu yang berkaitan dengan bilangan anak dan saiz keluarga.

a) Faktur Bukan Ekonomi

(i) Umur

Faktur umur sering dikatakan sebagai salah satu faktur yang dapat mempengaruhi penglibatan kaum wanita samada di bidang ekonomi maupun sosial.

Kreps (1976, m.s.66) mengatakan bahawa umur adalah di antara angkubah-angkubah penting di samping pelajaran, taraf perkahwinan, saiz keluarga dan pendapatan suami, yang mempengaruhi penyertaan dan penglibatan wanita-wanita yang telah berumahtangga, di dalam tenaga kerja.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukannya terhadap wanita-wanita di Amerika Syarikat, didapati bahawa lebih ramai wanita-wanita yang berumur 35 tahun ke atas yang bekerja di luar rumah tangga mereka. Menurutnya wanita-wanita yang separuh umur ini pada kebiasaannya tidak lagi begitu sibuk dengan kerja-kerja di dalam rumah tangga iaitu dalam erti kata anak-anak mereka kebanyakannya telah pun besar dan dengan itu tidak memerlukan penjagaan dan pengasuhan sepertimana yang harus diberikan ketika anak-anak itu masih kecil. Pada peringkat umur ini, wanita-wanita tersebut dikatakan mempunyai masa yang terluang dan dengan itu membolehkan mereka melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial.

Jika ditinjau pula pola-pola penyertaan kaum wanita ke dalam kegiatan ekonomi di tempat kajian pengkaji dengan berdasarkan kepada Rajah 9 didapati bahawa penglibatan kaum wanita di bidang ekonomi di peringkat umur 20 - 30 tahun adalah amat kecil bilangannya iaitu 11 orang berbanding dengan mereka yang berada di lingkungan umur 31 - 60 tahun di mana jumlahnya adalah 22 orang. Walaupun jumlah bilangan ini mungkin dipengaruhi oleh jarak perbezaan yang besar di antara kategori umur tersebut iaitu di antara 10 tahun dengan 29 tahun, namun ini tidaklah bererti yang data ini gagal untuk memberikan gambaran yang sebenar tentang pola-pola penglibatan kaum wanita tersebut di dalam bidang ekonomi. Dua pertiga daripada kaum wanita dalam lingkungan umur 31 tahun ke atas melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi. Jelasnya wanita-wanita yang telah berumur adalah lebih bergiat di bidang ekonomi jika dibandingkan dengan mereka yang berada di dalam lingkungan umur 20an.

Penglibatan Kaum Wanita	Umur 20 - 30	Peratus	Umur 31 - 40	Peratus	Umur 41 - 50	Peratus	Umur 51 - 60	Peratus	Umur Jumlah Purata Responen	Peratus
Hanya Satu Pekerjaan	7	43.8	2	12.5	4	25.0	3	18.7	37.7	16
Dua Pekerjaan	4	23.5	7	41.2	5	29.4	1	5.9	40.1	17
Surirumah	14	82.4	3	17.6	-	-	-	25.2	17	34

RAJAH 9: PENGLIBATAN KAUM WANITA DALAM PEKERJAAN BERDASARKAN UMUR.

Daripada Rajah 9, adalah didapati bahawa umur purata bagi mereka yang melibatkan diri di bidang ekonomi ini, adalah dilingkungan umur 30 tahun membawa kepada 40 tahun. Sementara itu mereka yang tidak bekerja, yang mana hanya memainkan peranan sebagai surirumahtangga sepenuh masa sahaja, adalah di kalangan mereka yang berada di lingkungan umur purata 25 tahun. Ini antara lainnya dapat dikaitkan dengan bilangan anak atau saiz keluarga responden. Pada kebiasaannya, di peringkat umur 30 tahun ke atas, tanggungjawab seseorang isteri dalam sesebuah rumah tangga itu adalah bertambah berat. Ini memaksa mereka menceburkan diri dalam bidang ekonomi untuk membantu suami-suami menambah pendapatan mereka. Ini berlainan halnya dengan wanita-wanita di dalam lingkungan umur 20an di mana pada peringkat umur ini kebanyakannya mereka baharu saja mendirikan rumah tangga dan dengan itu tanggungjawab yang dipikul tidaklah begitu membebankan seperti wanita yang telah berumur.

Di samping itu terdapat sesuatu yang menarik bagi faktur umur ini di mana didapati yang ianya bukan sahaja menentukan pola-pola penglibatan wanita-wanita dalam bidang ekonomi, tetapi juga menentukan corak pekerjaan yang dilakukan oleh wanita-wanita ini. Daripada pemerhatian pengkaji secara keseluruhannya didapati bahawa pekerjaan-pekerjaan pertanian seperti menoreh getah, bersawah padi, berdusun dan menjual buah-buahan adalah majoritinya dilakukan oleh wanita-wanita di dalam lingkungan umur 30 tahun ke atas sedangkan pekerjaan-pekerjaan yang bercorak bukan pertanian seperti berkedai runcit ataupun menjahit adalah dilakukan oleh wanita-wanita yang berada di peringkat umur yang masih muda iaitu di sekitar lingkungan umur 20an. Terjadinya keadaan atau pola-pola penglibatan semacam ini adalah antara lainnya disebabkan oleh sikap ibubapa sendiri

terhadap pekerjaan. Bagi setengah ibubapa, anak-anak gadis tidak di galakkan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pertanian kerana kemungkinan timbulnya kesan-kesan kurang baik kepada kulit dan kaki serta tangan anak-anak gadis tersebut. Begitu juga bagi pasangan suami isteri yang masih muda, di mana kebanyakan mereka tidak menggalakkan isteri-isteri mereka melakukan kerja-kerja berat tersebut. Hanya apabila sudah lama bersama dan hal kecantikan kulit tidak begitu dipersoalkan lagi, maka baharulah didapati ada daripada setengah-setengah wanita ini yang menceburkan diri di bidang tersebut. Atas faktur-faktur inilah, maka didapati wanita-wanita yang berada di dalam lingkungan umur 20an ini, tidak dapat melakukan atau menceburkan diri dalam kerja-kerja pertanian dan di samping itu pula, mereka ini tidak mempunyai kemahiran dalam pekerjaan-pekerjaan berkenaan.

Di bidang sosial pula, umur juga didapati mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan pola-pola penglibatan kaum wanita ini. Jika di segi pekerjaan didapati wanita-wanita yang berada di lingkungan umur 30 tahun ke atas yang bergiat cergas, tetapi di bidang sosial, keadaan sebaliknya pula berlaku. Adalah didapati bahawa wanita-wanita dalam lingkungan umur 20an yang aktif di bidang ini. Ini dapat dilihat dari Rajah 8 di mana di peringkat umur 20 - 24 tahun, penglibatan adalah 16% yang mana ini merupakan peratus penglibatan yang terbesar sekali. Ini dapat difahami kerana pada peringkat umur ini kebanyakan daripada responden baharu mempunyai seorang anak sahaja dan kerana itu pergerakan mereka adalah lebih bebas kerana mereka boleh membawa anak kecil mereka menghadiri kelas-kelas yang diadakan di kampung seperti kelas masakan dan sebagainya. Di samping itu mereka juga merupakan golongan muda dan dengan

itu lebih menyedari akan hakikat erti pembangunan. Ini dapat dikaitkan dengan tingkat pencapaian pelajaran mereka. Wanita-wanita di dalam lingkungan umur 20an ini kebanyakannya adalah terdiri dari mereka yang datang dari latarbelakang pendidikan yang boleh dikatakan agak baik juga iaitu sekurang-kurangnya dapat menamatkan persekolahan rendah mereka. Di samping itu ada juga di kalangan mereka yang mendapat pendidikan sekolah menengah rendah iaitu setakat Tingkatan 3. Kerana adanya asas pelajaran inilah maka wanita-wanita di kalangan umur ini dapat menerima pembangunan yang diperkenalkan di kampung tersebut.

Minat juga turut mempengaruhi penglibatan wanita-wanita di peringkat umur ini. Namun begitu, apa yang ketara sekali ialah banyaknya masa lapang yang diperolehi oleh wanita-wanita dalam lingkungan umur ini kerana seperti yang diketahui kebanyakannya daripada mereka yang jatuh dalam kategori umur ini tergolong dalam mereka yang tidak bergiat di bidang ekonomi. Kerana untuk memenuhi masa lapang ini, mereka melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial yang diadakan di kampung. Sedangkan bagi golongan yang lebih berumur yang bergiat dalam lapangan ekonomi, masa adalah agak terhad buat mereka. Di samping itu kepenatan bekerja juga membuatkan mereka kurang melibatkan diri dalam aktiviti sosial ini.

Oleh itu daripada pemerhatian dan penganalisaan pengkaji, didapati bahawa faktur umur memang tidak dapat dinafikan lagi, memainkan peranan penting dalam menentukan pola-pola penglibatan kaum wanita ini samada di bidang ekonomi maupun sosial. Namun perlu dinyatakan bahawa terdapat faktur-faktur sampingan lain yang turut mempengaruhi pola-pola penglibatan seperti di atas, yang mana di antaranya termasuklah sikap

responden dan juga suami, jumlah bilangan anak serta kedudukan ekonomi keluarga yang mana ini akan dibincangkan kemudiannya.

(ii) Bilangan dan umur anak

Bilangan dan umur anak adalah juga merupakan faktur yang penting dalam menentukan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi dan sosial. Ini adalah merupakan sesuatu yang tidak dapat dinafikan kebenarannya. Ini ditambah pula oleh penegasan yang dibuat oleh Laws (1975, m.s.18) yang menyatakan:

'... numerosity and youth of children predict non-participation.'

Adalah menjadi kenyataan bahawa tanggungjawab suami isteri adalah bermula selepas mereka mendirikan rumah tangga terutama selepas melahirkan anak yang pertama. Dengan bertambahnya bilangan anak bermakna semakin berat beban tanggungan mereka. Dari aspek-aspek tertentu, ini secara tidak langsung telah menghadkan penglibatan wanita-wanita dalam aktiviti ekonomi dan juga sosial. Ini adalah kerana dengan bertambahnya bilangan anak dan anak-anak itu pula masih di peringkat umur yang masih kecil maka didapati masa yang lebih banyak diperlukan untuk menguruskan anak-anak di rumah. Ini ditambah pula dengan tidak adanya pengasuh anak atau sistem pembantu. Kadangkala ibu-ibu terpaksa meninggalkan anak-anak kecil bersendirian di rumah atau membawa anak-anak ini bersama ke tempat-tempat kerja. Faktur ini sering mengakibatkan tekanan dan kesan yang tidak baik terhadap kesihatan ibu dan anak-anak, juga kepada keseluruhan proses pembesaran anak tersebut. Bagi wanita-wanita yang telah mempunyai anak perempuan yang dewasa, ini tidak menjadi masalah kerana mereka ini boleh mengambil alih tugas rumah tangga. Diaebabkan ini jugalah maka

sering didapati wanita-wanita di lingkungan umur 20an, tidak bergiat cergas dalam aktiviti ekonomi kerana di peringkat umur begini anak-anak masih kecil lagi. Ini berbeza dengan wanita-wanita separuh umur kerana di peringkat ini kebanyakannya daripada mereka mempunyai anak-anak yang telah besar dan dengan itu dapat mengambil alih tugas-tugas rumahtangga semasa ibu tiada di rumah.

Saiz keluarga yang besar juga dari aspek-aspek tertentu boleh menyebabkan wanita-wanita melibatkan diri di bidang ekonomi. Ini ditambah pula bila bilangan anak yang bersekolah meningkat sedangkan pendapatan tidak seajar dengan perbelanjaan yang diperlukan. Ini bermakna dengan bertambah meningkatnya usia anak-anak mereka bererti mereka memerlukan pendapatan yang lebih untuk perbelanjaan persekolahan dan perbelanjaan harian. Kenyataan ini dapat diperkuahkan dengan melihat jadual yang menunjukkan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi mengikut pembahagian umur. Adalah didapati wanita-wanita yang bergiat aktif di bidang ekonomi adalah di antara purata umur 38 tahun membawa ke 40 tahun yang mana jika dikaitkan dengan bilangan anak didapati mereka ini mempunyai bilangan anak lebih daripada 4 orang. (Lihat Rajah 2). Disebabkan bertambah berat tanggungjawab yang dipikul dengan bertambahnya bilangan anak ini maka didapati wanita-wanita ini menceburkan diri dalam lapangan pekerjaan walaupun kadangkala pekerjaan yang dilakukan itu bukanlah pekerjaan yang mendatangkan pendapatan tetapi sekadar mencukupi untuk menambah pendapatan yang sedia ada.

Perlu dinyatakan juga bahawa penglibatan yang aktif dalam bidang ekonomi ini adalah juga datangnya dari jalangan mereka yang telah berumur

iaitu dalam lingkungan umur 40an dan 50an. Walaupun di peringkat umur begini, pada kebiasaannya anak-anak mereka telah pun mencapai peringkat dewasa dan dengan itu telah boleh membantu ibu dan bapa mereka, namun wanita-wanita ini masih lagi didapati bergiat di bidang ekonomi. Menurut perbualan pengkaji secara informal dengan wanita-wanita berkenaan, didapati bahawa walaupun anak-anak mereka telah dewasa tetapi kebanyakannya daripada mereka tidak dapat membantu ibubapa dari segi kewangan. Ini disebabkan samada mereka tidak mempunyai pekerjaan dan, ataupun, sekiranya bekerja, pendapatan yang diperolehi hanya sekadar mencukupi untuk keperluan diri anak itu sendiri ataupun rumah tangga sahaja iaitu bagi yang telah berkahwin. Ini dapat dikaitkan pula dengan latarbelakang pendidikan anak-anak tersebut dan juga tingkat umur perkahwinan di mana kebanyakannya daripada mereka berkahwin di peringkat umur yang masih muda. Kerana itu, dalam hal-hal yang sedemikian, mereka tidak dapat membantu ekonomi ibubapa mereka. Ini menyebabkan wanita-wanita dalam peringkat umur berkenaan terus bekerja bagi menampung keperluan-keperluan hidup mereka.

Di bidang sosial juga, faktur ini didapati berperanan dalam menentukan corak penglibatan kaum wanita. Mereka yang mempunyai bilangan anak yang ramai didapati kurang aktif dalam lapangan sosial kerana kebanyakannya masa mereka tertumpu pada pengurusan kerja-kerja di dalam rumah tangga. Penglibatan agak menggalakkan di kalangan mereka yang berada di peringkat umur 20 - 24 tahun kerana pada peringkat umur ini bilangan anak tidaklah ramai lagi. Tetapi di peringkat umur 30 tahun ke atas, keadaan sebaliknya berlaku. (Lihat Rajah 10). Ini dapat dikaitkan di mana pada peringkat umur ini bilangan anak telahpun bertambah dan pada peringkat anak-anak masih kecil ini, jaguan sepenuhnya dari ibu

Umur Responden (Tahun)	Penyertaan Dalam Bidang Ekonomi	Bilangan Anak	Pendapatan Purata Bulanan Suami	Tidak Melibatkan Diri Dlm. Bidang Ekonomi	Bilangan Anak	Pendapatan Purata Suami
20 - 30	11	1 - 4	\$386.00	14	1 - 2	\$336.00
31 - 40	9	2 - 7	\$178.00	3	1 - 5	\$417.00
41 - 50	9	3 - 9	\$172.00	-	-	-
51 - 60	4	2 - 7	\$115.00	-	-	-

RAJAH 10: FAKTUR UMUR DAN KAITANNYA DENGAN FAKTUR-FAKTUR LAIN
YANG MEMPENGARUHI PENYERTAAN WANITA DALAM BIDANG EKONOMI

diperlukan. Ini membuatkan ibu-ibu berkenaan tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri dalam kegiatan sosial. Di samping itu ketiadaan pembantu-pembantu rumah ataupun anak-anak yang telah dewasa yang boleh mengambil alih tugas di dalam rumah tangga, turut merupakan faktur sampingan yang mempengaruhi penglibatan wanita baik di bidang sosial maupun ekonomi.

(iii) Pelajaran

Mildred W.Weil (1961), seorang lagi pengkaji sains sosial yang mengkaji tentang peranan wanita, telah mengemukakan faktur latar-belakang pendidikan isteri sebagai salah satu faktur yang membawa kepada corak-corak penglibatan wanita dalam kegiatan-kegiatan sosio-ekonomi ini. Mengikut pandangannya lagi, pelajaran ini termasuklah juga dari segi latihan-latihan khusus atau kemahiran tertentu yang dipunyai oleh wanita-wanita tersebut seperti dalam bidang jahitan, masakan, sulaman, anyaman dan lain-lain kerja pertukangan tangan.

Pendapat ini ada kebenarannya jika diaplikasikan kepada wanita-wanita di kawasan kajian pengkaji. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, didapati bahawa pekerjaan-pekerjaan seperti bersawah padi dan menoreh getah adalah majoritinya dilakukan oleh wanita-wanita di dalam lingkungan umur 30 tahun ke atas manakala bagi kerja-kerja seperti bermiaga dan jahit menjahit pula majoritinya dilakukan oleh wanita di dalam lingkungan umur 20an. Pola-pola penglibatan dalam aktiviti-aktiviti seumpama ini dapat dikaitkan dengan pendidikan seseorang wanita itu. Misalnya bagi mereka yang bekerja sebagai penoreh getah dan pesawah, kebanyakannya adalah terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai latarbelakang pendidikan yang secukupnya. Kerana itu mereka tidak dapat mengendalikan kerja-kerja

yang memerlukan kemahiran dalam kira-mengira seperti bermiaga walaupun didapati yang mereka ini berminat di dalam lapangan tersebut. Perlu dinyatakan juga bahawa pendidikan responden yang rendah ini juga menyebabkan mereka tidak dapat bekerja makan gaji dengan kerajaan atau pihak-pihak swasta dan dengan itu menghadkan penglibatan mereka dalam bidang ekonomi.

Pengetahuan, pengalaman dan kemahiran juga turut memainkan peranan penting dalam penglibatan responden di bidang ekonomi ini. Adalah didapati bahawa responden yang berumur di lingkungan umur 20an, tidak begitu melibatkan diri dalam kerja-kerja penorehan dan bersawah kerana mereka tidak mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang tersebut. Ini berbeza dengan wanita-wanita di dalam lingkungan separuh umur di mana kerja-kerja ini telah menjadi darah dagingnya. Di samping itu juga, didapati kekurangan kemahiran dalam pekerjaan tangan seperti jahit menjahit, sulam menyulam dan seumpamanya turut menghadkan penglibatan wanita dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Kebanyakannya daripada wanita-wanita yang ditemuduga, hampir keseluruhannya mengatakan yang mereka tiada mempunyai kemahiran dan kepandaian dalam bidang-bidang pekerjaan tersebut. Pengetahuan yang ada, menurut mereka cuma cukup untuk memenuhi keperluan keluarga sahaja. Dengan itu didapati hanya segelintir sahaja daripada responden ini yang mengambil upah menjahit dan menyulam ini sebagai pekerjaan sambilan apatah lagi sebagai pekerjaan utama.

Pelajaran juga dapat dikaitkan sebagai faktur yang mempengaruhi penglibatan wanita di bidang sosial. Kebanyakannya daripada responden-responden ini adalah tergolong di kalangan mereka yang buta huruf ataupun

jika bersekolah cuma setakat sekolah rendah sahaja. (Lihat Rajah 3). Oleh itu terdapat seolah-olah sikap 'inferiority complex' di kalangan mereka ini dan ini membuatkan mereka ragu-ragu untuk memasuki sebarang persatuan di kampung. Alasan seperti ini pengkaji kemukakan kerana terdapat responden yang bila ditanya kenapa tidak mahu melibatkan diri dalam kelas jahitan dan sulaman jika diadakan di kampung, jawapan yang diterima ialah kerana mereka tidak tahu membaca dan menulis dan dengan itu sukar untuk mereka menerima pelajaran yang diberikan.

Oleh itu faktur pelajaran ini juga dapat dikatakan sebagai angkubah penting dalam menghadkan bilangan penyertaan wanita di bidang ekonomi mahu pun sosial.

(iv) Sikap Suami Atau Masyarakat

Sikap suami atau masyarakat terhadap wanita juga sedikit sebanyak turut mempengaruhi penglibatan wanita di dalam aktiviti ekonomi dan sosial. Sikap suami atau masyarakat yang tidak lagi menganggap wanita sebagai lemah dan dengan itu mestilah dan hanya layak menjalankan pekerjaan di dalam rumah tangga sahaja seperti menjaga anak, memasak dan lain-lain, telah menggalakkan kaum wanita untuk turut sama bergiat di dalam bidang ekonomi di samping suami untuk membuktikan kebolehan dan kemampuan mereka. Pada mereka adalah menjadi kewajipan isteri untuk membantu suami terutama di waktu-waktu kesusahan. Ini bersesuaian dengan pepatah Melayu, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Di bidang sosial pula, faktur ini juga didapati turut memainkan peranan penting. Didapati bahawa kebanyakan daripada wanita-wanita

tersebut terpaksa meminta keizinan suami sebelum dibenarkan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang bercorak sosial ini. Adalah menjadi tradisi bagi wanita Melayu Islam untuk meminta keizinan dari suami mereka sebelum melakukan sebarang pekerjaan di luar rumah tangga. Setiap pekerjaan yang dilakukan mesti mendapat persetujuan dari pihak suami. Kerana itu kebanyakannya daripada wanita yang tidak melibatkan diri di bidang sosial, apabila ditanya akan memberikan jawapan yang suami mereka tidak mengizinkan mereka berbuat demikian. Bagi suami pula, mereka beranggapan bahawa apabila isteri menceburkan diri dalam persatuan sosial, mungkin isteri dengan secara tidak langsung akan mengabaikan urusan-urusan rumah tangga. Perlu juga dinyatakan di sini bahawa terdapatnya perbezaan ideologi politik di kalangan penduduk-penduduk kampung terutamanya di kalangan suami-suami responden, telah secara tidak langsung menghalang penglibatan wanita-wanita tersebut dalam aktiviti-aktiviti sosial yang dijalankan di kampung. Misalnya bagi seorang yang memasuki Parti Islam SeTanah Melayu (PAS), tidak akan membenarkan isterinya menceburkan diri di dalam sebarang aktiviti-aktiviti sosial yang dijalankan oleh Parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) di kampung itu dan begitulah sebaliknya. Oleh itu dapat dinyatakan di sini bahawa penglibatan wanita-wanita ini dalam bidang sosial adalah kebanyakannya bergantung kepada sikap negatif ataupun sikap positif suami mereka terhadap penyertaan mereka tersebut, di samping faktur-faktur lain yang telah diberikan sebelumnya.

b) Faktur Ekonomi

(i) Latarbelakang Ekonomi Suami

Tanggapan yang biasa dibuat mengenai faktur yang mendorong wanita

yang sudah bersuami dan mempunyai anak untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja sampingan ialah faktur ekonomi. Dengan lain kata keadaan kemiskinan yang dialami oleh responden-responden menyebabkan mereka terpaksa melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ekonomi seperti yang dinyatakan oleh Laws (1970, m.s.17):

'... husband's earnings is a definite factor or predictor as to whether a wife is employed. The lower the husband's earning the more likely it is that the wife will be employed.'

Faktur ini diperkuatkan lagi oleh Puan Mazidah Zakaria yang mengatakan bahawa golongan wanita luar bandar yang terbanyak sekali melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi ialah:

'... wanita dari keluarga miskin iaitu dari golongan yang bertani yang terdiri dari mereka yang tidak bertanah atau mempunyai bidang tanah yang tidak mencukupi... Kedudukan ekonomi bagi kumpulan ini kadang-kadang jauh lebih rendah dari garis kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan. Seringkali pula keluarga-keluarga miskin ini mempunyai tanggungan yang ramai. Dalam keadaan yang sedemikian ini, samada mahu atau tidak, setiap tenaga buruh yang ada dalam keluarga tersebut ... akan turut sama melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi bagi menampung kehidupan keluarga. Dari golongan inilah kedapatan paling ramai wanita luarbandar yang bekerja untuk mendapatkan upahan.'

(Dipetik dari Majalan Wanita, keluaran Mei, 1981, m.s.44)

Tetapi perlu dinyatakan juga di sini bahawa tidak semua responden-responden ini yang dapat melaksanakan tugas-tugas tersebut iaitu dapat melibatkan diri dalam sektor ekonomi. Ini disebabkan oleh kerana mereka dibebani oleh lain-lain faktur seperti bilangan anak yang ramai dan masih kecil pula, kurang kemahiran dan sebagainya.

Berdasarkan kepada soalselidik dan temubual pengkaji dengan

responden-responden di kampung ini, didapati bahawa faktur latarbelakang ekonomi inilah yang banyak mendorong wanita-wanita melibatkan diri dalam pekerjaan. Ini dapat dilihat dari Rajah 10. Kebanyakan dari sebab-sebab utama bagi responden melibatkan diri di dalam bidang ekonomi ialah untuk membantu suami kerana pendapatan suami semata-mata tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan rumah tangga. Wang lebih yang diperolehi daripada pekerjaan-pekerjaan ini sekurang-kurangnya dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan dapur dan dengan itu meringankan beban yang dipikul oleh suami. Wang yang diperolehi hasil dari penglibatan wanita-wanita ini di dalam bidang ekonomi, antara lain dapat dikatakan sebagai satu bentuk jaminan pada masa-masa kesusahan atau kesesakan kewangan yang mungkin datang secara tiba-tiba. Ini diakui oleh wanita-wanita di sini kerana pekerjaan suami mereka terutama yang terlibat dalam perusahaan getah, adalah tidak tetap dan bergantung kepada keadaan musim dan cuaca. Inilah juga yang menjadi sebab-sebab utama yang mendorong wanita-wanita tersebut menceburkan diri dalam bidang ekonomi samada bercorak pertanian ataupun tidak serta samada secara tetap ataupun sekurang-kurangnya secara sambilan.

Di samping itu tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga responden-responden yang mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih stabil di mana suami mereka berpendapatan lebih daripada mencukupi, yang melibatkan diri di bidang ekonomi. Terjadinya hal ini dapat dikaitkan dengan faktur sikap suami atau masyarakat ataupun sikap wanita itu sendiri terhadap pekerjaan.

Dilihat di bidang sosial pula didapati bahawa adalah menjadi satu kebiasaan bagi wanita-wanita yang mempunyai latarbelakang ekonomi yang agak memuaskan untuk menceburkan diri di dalam kegiatan-kegiatan sosial ini. (Lihat Rajah 11). Ini disebabkan mereka tidak mempunyai tanggungjawab yang berat. Kebanyakan daripada mereka ini pula tidak bekerja dan kerana itu mempunyai masa lapang yang terluang. Ini berbeza dengan wanita-wanita dari latarbelakang ekonomi yang kurang stabil yang mana mereka ini terpaksa melibatkan diri dalam bidang ekonomi dan kerana itu kepentingan dan kurangnya masa lapang yang terluang telah menghadkan secara tidak langsung, penyertaan mereka di bidang sosial ini.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa faktur-faktur yang menjadi penghalang dan pendorong kepada penglibatan wanita-wanita pekerja kecil di bidang ekonomi dan sosial ini adalah relatif sifatnya dan saling berkaitan antara satu sama lain. Namun begitu jika dilihat secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa masalah-masalah rumah-tangga dan anak-anaklah yang merupakan faktur-faktur utama yang telah mencorakkan penglibatan wanita-wanita pekerja kecil di kampung ini samada di bidang ekonomi maupun sosial. Di samping itu perlu dinyatakan juga bahawa ketiadaan corak perusahaan atau perkilangan dari segi 'commercial' di kawasan kajian ini turut merupakan faktur sampingan yang tidak kurang pentingnya dalam menghalang penglibatan wanita-wanita tersebut di dalam kerja-kerja di luar rumah tangga yang boleh mendatangkan keuntungan kewangan.

Umur Responden (Tahun)	Penyertaan Dalam Bilangan Bidang Sosial	Bilangan Anak	Pendapatan Purata Suami	Bilangan Tidak Serta	Bilangan Anak	Pendapatan Purata Suami
20 - 24	8	1 - 2	\$368.00	6	1 - 3	\$233.00
25 - 29	1	2	\$300.00	5	3 - 5	\$280.00
30 - 34	3	3 - 4	\$385.00	3	4 - 5	\$268.00
35 - 39	3	3 - 6	\$366.00	1	8	\$300.00
40 - 44	1	6	\$300.00	6	3 - 7	\$134.00
45 - 49	1	6	\$200.00	2	4 - 9	\$200.00
50 - 54	3	2 - 6	\$268.00	3	4 - 9	\$200.00
55 - 59	1	7	\$200.00	3	5 - 7	\$100.00

RAJAH 11: FAKTUR UMUR DAN KAITANNYA DENGAN FAKTUR-FAKTUR LAIN
YANG MEMPENGARUHI PENYERTAAN WANITA DALAM BIDANG SOSIAL

BAB VII

PENUTUP

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Setelah dibicarakan mengenai penglibatan wanita pekebun kecil di dalam bidang ekonomi dan sosial dan setelah ditinjau pula akan faktur-faktur yang menjadi pendorong dan penghalang kepada penglibatan mereka dalam bidang tersebut, maka dalam bab ini akan dilihat pula rumusan tentang peranan wanita di kampung ini secara keseluruhannya.

Dari kajian yang dilakukan terhadap peranan wanita di dua buah kampung kajian iaitu di Kampung Jerung Tuan dan Kampung Tok Mu Chong, apa yang dapat pengkaji rumuskan ialah adanya kedapatan dua bentuk peranan yang dimainkan oleh wanita-wanita dalam komuniti yang dikaji ini. Dua bentuk peranan yang dimaksudkan itu ialah:

- (1) peranan yang berdasarkan aspek biologikal
- (2) peranan yang berdasarkan aspek environmental.

Peranan yang berdasarkan aspek 'biologikal' wanita ini ketara sekali dengan terdapatnya kaum wanita di kedua buah kampung kajian ini, yang hanya menumpukan perhatian kepada tugas-tugas menguruskan rumah tangga dan keluarga mereka semata-mata tanpa bergiat dalam aktiviti-aktiviti lain samada yang bercorak ekonomi mahupun sosial. Dengan lain kata mereka ini tergolong ke dalam responden yang memainkan peranan sebagai isteri yang ideal yang mana peranan ini sejajar dengan aliran pemikiran yang berdasarkan biologikal sepertimana yang telah diuraikan dalam bab teori dan konsep sebelum ini.

Daripada kajian-kajian yang dilakukan didapati bahawa kebanyakan dari mereka yang menjalankan peranan berdasarkan aspek biologikal ini, iaitu sebagai surirumahtangga sepenuh masa, adalah terdiri dari mereka yang tergolong dalam lingkungan umur 20an. (Lihat Rajah 5). Pola-pola penglibatan yang sedemikian bukanlah semata-mata berdasarkan kenyataan bahawa wanita mempunyai tenaga fizikal yang kurang berbanding dengan lelaki dan oleh itu hanya sesuai melakukan kerja-kerja yang ringan seperti kerja-kerja dalam rumahtangga sahaja. Ada faktur-faktur lain yang lebih mempengaruhi, umpamanya saiz keluarga wanita itu.

Pada keseluruhannya, responden-responden yang berumur dalam lingkungan 20an ini mempunyai anak-anak yang masih kecil yang memerlukan penjagaan yang begitu rapi. Ini secara tidak langsung telah mengurangkan atau menghadkan penglibatan mereka dalam bidang ekonomi ini. Jumlah bilangan anak yang masih sedikit pada peringkat umur ini turut juga mempengaruhi penglibatan kaum wanita tersebut. Ini kerana bilamana saiz keluarga kecil, tanggungjawab yang dipikul tidaklah begitu berat hingga memaksa mereka menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi yang mendatangkan pendapatan. Ini berlainan halnya dengan mereka yang berumur di lingkungan umur 30 tahun ke atas yang mana pada kebiasaan mereka, di lingkungan umur ini, mereka mempunyai saiz keluarga yang besar dan oleh itu mempunyai tanggungjawab yang lebih berat.

Peranan yang berdasarkan aspek 'environmental' pula dapat dilihat dengan adanya kaum wanita yang bekerja di luar rumahtangga mereka. Mereka ini memperlihatkan bahawa peranan wanita tidak semestinya berdasarkan pada sifat biologikalnya semata-mata tetapi boleh dan dapat diubahsuai kan-

berdasarkan aspek environmentalnya, yang mana dalam konteks ini merupakan kedudukan ekonomi mereka.

Sebagai sebuah masyarakat pekebun kecil getah, didapati bahawa pergantungan ekonomi rumah tangga pada hasil pendapatan suami semata-mata boleh menjadikan ekonomi rumah tangga mereka tidak stabil. Ini disebabkan perusahaan getah adalah bergantung kepada harga pasaran dan permintaan yang turun naik serta keadaan cuaca dan musim. Oleh kerana inilah maka didapati sebanyak 66% (lihat Rajah 9) daripada wanita-wanita di kampung kajian ini, melibatkan diri dalam bidang ekonomi samada yang berbentuk pertanian mahupun bukan pertanian dan samada secara tetap ataupun secara sambilan. Pendapatan yang rendah yang mana hampir dua pertiga daripada mereka berpendapatan \$400.00 ke bawah adalah juga menjadi faktur kepada penglibatan mereka dalam bidang ekonomi ini.

Perlu dinyatakan di sini bahawa hampir keseluruhan tenaga kerja wanita di kawasan kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang telah mencapai peringkat separuh umur iaitu dalam lingkungan umur 30 tahun ke atas. Ini disebabkan pada keseluruhannya, mereka yang berumur dalam lingkungan 30 tahun ke atas ini mempunyai saiz keluarga dan tanggungan yang besar. Disebabkan oleh tekanan-tekanan kehidupan seumpama inilah maka wanita-wanita tersebut terpaksa memikul dua peranan iaitu sebagai isteri dan ibu serta di samping itu melibatkan diri dalam bidang ekonomi di dalam dan di luar rumah tangga.

Jika dilihat pula secara terperinci akan penglibatan kaum wanita dalam bidang ekonomi di kampung kajian ini, maka apa yang dapat pengkaji

rumuskan ialah adanya kedapatan dua bentuk kategori penglibatan mereka ini iaitu mereka yang mendapat hasil pendapatan dari pekerjaan yang dilakukan yang mana termasuk di dalam kategori ini mereka yang bekerja sebagai penoreh getah dan berkedai runcit manakala kategori yang lainnya ialah mereka yang bekerja hanya sebagai 'unpaid family helpers' dan ini termasuklah mereka yang melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti seperti bersawah padi, berdusun, bercucuk-tanam dan beberapa lagi aktiviti sampingan lainnya yang mana pekerjaan yang dilakukan itu tidak mendarangkan keuntungan dari segi kewangan, dengan ertikata, ianya tidak merupakan sumber pendapatan utama tetapi sekadar untuk menampung pendapatan suami semata-mata.

Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa definisi 'kerja' sepetimana yang dihuraikan sebelum ini tidaklah boleh diaplikasikan sepenuhnya pada wanita di kampung kajian ini. Ini disebabkan tidak semua dari wanita-wanita tersebut yang bekerja dengan mendapat pendapatan yang tetap. Kebanyakan daripada mereka hanyalah merupakan 'unpaid family helpers' semata-mata dan dengan itu tidak dapat dimengertikan dalam definisi 'kerja' yang sebenarnya.

Kesimpulannya, penemuan yang pengkaji dapati hasil dari kajian ke atas masyarakat pekebun kecil di kedua buah kampung ini ialah hakikat bahawa :

'... women's lesser strength and slighter built than men's for instance, have not prevented them from being the carriers of burdens or from doing heavy agricultural labour and other strenuous and protracted physical labour.'

(dipetik dari The New Encyclopaedia Britanica, Vol.9,
1977, m.s. 906)

Jelasnya, penyertaan wanita dalam bidang ekonomi ini bukanlah merupakan suatu hal yang baru untuk diperkatakan. Hal ini telah ujud sejak zaman berzaman lagi di mana wanita-wanita telah didapati turut serta ke ladang-ladang dan sawah untuk membantu suami atau keluarga mereka walaupun tanpa mendapat apa-apa upahan atau pembayaran. Keadaan ini didapati berterusan hingga ke hari ini, sepertimana yang dapat dilihat dari petikan di bawah:

'A man is traditionally the support of his family - so the story goes. But women have been working for ages, on the land, in agriculture and industrial cooperative, taking in piecework in the home, and the like, and in this way they have helped support the family.'

(Dipetik dari Ashley Montagu, 1976, m.s. 222)

Sebagai rumusan, dapat dikatakan bahawa walaupun secara idealnya seorang wanita itu sepertutnya menumpukan sepenuh masa dan tenaganya kepada keluarganya dan rumah tangga, tetapi wanita itu sendiri telah mempercayai bahawa salah satu cara untuk membangunkan keluarganya ialah dengan cara meninggikan kedudukan ekonominya. Kerana itulah maka didapati mereka ini hari demi hari semakin ramai menceburkan diri dalam bidang ekonomi.

Dalam menyentuh tentang kegiatan sosial kaum wanita secara keseluruhannya pula, dapat dikatakan bahawa memang ada ujudnya perubahan di antara peranan wanita masa dahulu dengan peranan wanita pada waktu kini. Pada masa dulu, wanita Melayu secara idealnya adalah dianggap lemah oleh masyarakat. Oleh sebab itu wanita dianggap tidak boleh mempunyai persamaan hak dan bergaul bebas bersama-sama dengan lelaki. Dengan lain kata hubungan mereka adalah bercorak 'personal' dan hanya terhad kepada anggota keluarga sahaja. Disebabkan ini maka kegiatan sosial

wanita adalah terhad kepada aktiviti rumahtangga sahaja. Tetapi sekarang peranan wanita yang demikian telah mula berubah. Perubahan ini mengikut kata Hashimah Roose adalah disebabkan wanita pada masa kini telah mula menceburkan diri dalam pelajaran yang mana ini dengan secara tidak langsung telah mengubah corak dan susunan masyarakat Melayu. Sepertimana katanya:

'... the process of emancipation of Malay women was thus put in motion when the educated Malays relaxed their strict application of traditions and customary laws and allowed their daughters to be educated, first in very small numbers and in Malay schools only.'

(dipetik dari Barbara E.Ward, 1965, m.s.291)

Jika dilihat akan penglibatan wanita di bidang sosial di kampung kajian ini, terutama penyertaan mereka dalam pergerakan wanita secara berkumpulan, apa yang dapat pengkaji rumuskan ialah bahawa penglibatan mereka tidaklah didapati begitu aktif dan memuaskan. Walaupun ini adalah dimaklumi kerana cuma terdapat satu sahaja persatuan sosial yang bersifat formal di kampung tersebut iaitu Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK), tetapi penyertaan yang tidak memuaskan ini dapat juga dikaitkan dengan faktur-faktur lain, umpamanya taraf pelajaran wanita-wanita tersebut. Dari segi ini dapat dikatakan kebenaran akan apa yang diperkatakan oleh Hashimah Roose. Adalah didapati bahawa hampir keseluruhan daripada responden cuma mempunyai pendidikan setakat persekolahan rendah sahaja (38%) dan di kalangan mereka ini pula ramai yang tidak menamatkan persekolahan rendah mereka itu. Cuma segelintir sahaja yang dapat menamatkan persekolahan menengah rendah mereka (4%) dan mereka inilah yang didapati bergiat aktif di dalam persatuan tersebut. Disebabkan oleh pelajaran juga-lah maka didapati kebanyakannya yang menganggotai persatuan ini adalah terdiri dari mereka yang berada di dalam lingkungan umur 20an (walaupun tidak

keseluruhannya) kerana di peringkat umur begini mereka sedikit sebanyak mempunyai kesedaran tentang hakikat pembangunan.

Namun perlu dinyatakan juga bahawa di bidang sosial ini, bukan faktur pelajaran dan umur sahaja yang mempengaruhi akan penglibatan wanita-wanita tersebut, malah terdapat faktur-faktur sampingan lain yang tidak kurang pentingnya seperti jumlah bilangan anak yang masih kecil, sikap wanita itu sendiri dan sebagainya.

Melalui perbualan-perbualan secara informal dengan responden-responden, didapati bahawa di kalangan wanita-wanita yang menyertai perkumpulan tersebut, kebanyakan daripada mereka bukanlah menyertai kerana betul-betul berminat tetapi kerana takut dikatakan tidak pandai bergaul dan bermasyarakat. Seolah-olah tampak sikap mereka yang lebih mementingkan apa pendangan orang terhadap diri mereka daripada benar-benar ingin melibatkan diri dalam persatuan tersebut. Disebabkan inilah maka di dalam setengah kes, apabila pengkaji menanyakan samada mereka memasuki kelas tersebut atau tidak, maka jawapan yang diterima ialah jawapan yang bersifat positif. Tetapi setelah diteliti nama-nama yang menjadi ahli dalam persatuan itu didapati bahawa nama-nama mereka ini tiada dalam senarai tersebut. Oleh itu dapat dibuat kesimpulan bahawa penyertaan wanita-wanita ini hanya ujud pada namanya sahaja dan tidak pada realitinya. Dengan lain perkataan, mereka menjadi ahli tetapi tidak pernah menghadiri sebarang perjumpaan yang diadakan oleh persatuan itu. Ada pula kes di mana wanita-wanita yang tidak menyertai perkumpulan tersebut, bila ditanya kenapa beliau tidak melibatkan diri akan memberikan jawapan yang mereka tidak mempunyai tanah getah dan kerana itu tidak boleh menyertai perkumpulan berkenaan. Seolah-olah tampak

seperti ada kriteria-kriteria tertentu untuk seseorang itu memasuki persatuan PWPK ini yang mana pada hakikatnya kriteria-kriteria seumpama ini tidaklah ujud. Ini semua memperlihatkan samada sikap wanita-wanita berkenaan terhadap persatuan tersebut ataupun disebabkan oleh kekurangan penerangan yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu mengenai objektif atau matlamat sebenar penubuhan persatuan tersebut.

Perlu dinyatakan bahawa walaupun penglibatan kaum wanita di dalam bidang sosial yang bersifat formal adalah kurang memuaskan, tetapi ini tidak begitu halnya di dalam bidang sosial yang bersifat informal. Jika dibuat perbandingan, ternyata peranan wanita dalam bidang sosial yang bersifat informal yang dilakukan secara spontan ini, adalah lebih berkesan lagi di kampung kajian ini. Malah, dari penglibatan yang bercorak informal inilah, semangat perpaduan dan perasaan kekitaan ditanamkan ke dalam masyarakat kampung ini.

Kesimpulannya, dari pemerhatian pengkaji ke atas wanita-wanita di kedua buah kampung ini, dapat dirumuskan bahawa wanita-wanita ini masih belum lagi membangun dalam ertikata yang sebenarnya. Pencapaian taraf pelajaran yang rendah yang mana ini merupakan satu perkara yang rata-rata terdapat di kalangan wanita desa adalah merupakan antara faktur yang mengakibatkan kepada berlakunya keadaan tersebut. Di bidang ekonomi misalnya, kerana disebabkan oleh taraf pelajaran yang rendah, wanita-wanita tersebut terpaksa menerima kerja-kerja yang pendapatannya rendah walaupun kerja-kerja yang dilakukan adalah berat dan membosankan. Faktur ini juga menyebabkan kurangnya wanita-wanita yang melibatkan diri atau menyertai bidang ekonomi yang lebih menguntungkan. Ini kerana dengan tidak adanya

asas pelajaran yang memadai, maka didapati amat sukar untuk melatih wanita-wanita tersebut dalam bidang-bidang tertentu bagi mendapatkan kemahiran yang sesuai. Kerana itulah maka didapati hampir dua pertiga daripada wanita-wanita di kampung kajian ini yang menceburkan diri dalam bidang pertanian, samada menoreh getah ataupun bersawah padi.

Kekurangan pelajaran juga boleh menyebabkan wanita kurang memahami penerangan-penerangan yang diberikan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan. Sepertimana yang dinyatakan oleh Puan Mazidah Zakaria dalam kertas kerjanya, kekurangan pelajaran ini juga menyebabkan wanita-wanita tersebut lekas merasa rendah diri dan dengan itu lebih pasif dan bersikap lekas menyerah, kurang motivasi untuk memperbaiki keadaan dan kedudukan, juga lebih cepat terpedaya dan cepat mempercayai perkara-perkara yang karut. Apa yang dinyatakan oleh beliau ini ada kebenarannya di kalangan wanita di kampung kajian pengkaji.


Di samping itu keadaan yang juga tidak kurang pentingnya dalam menghalang penglibatan wanita di dalam kerja-kerja di luar rumah tangga yang mendaangkan keuntungan kewangan ini ialah kerana tidak terdapatnya apa-apa corak perusahaan atau perkilangan dari segi 'commercial' di kawasan kajian ini. Ini dapat dikaitkan dengan tidak terdapatnya kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan letrik dan air paip di kawasan ini dan kerana itu tidak menarik pengusaha-pengusaha untuk mendirikan kilang-kilang di kawasan ini.

Sebagai kesimpulan dapat dikatakan bahawa pembangunan yang diperkenalkan di kampung ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya

sekiranya sebarang usaha pembangunan desa tidak dilakukan secara meluas. Apa yang pengkaji hendak sarankan di sini ialah kenyataan bahawa pembangunan tidak harus ditumpukan hanya kepada pihak lelaki sahaja. Adalah didapati bahawa wanita-wanita desa memerlukan lebih banyak galakan serta bantuan untuk membolehkan mereka menjalani kerja-kerja tradisi di samping memikul tanggungjawab baru yang mendaangkan menafaut serta hasil yang memuaskan. Segala bentuk daya usaha yang baru amat diperlukan khususnya dalam memberikan maklumat-maklumat tentang hasil pertanian, industri secara kecil-kecilan skim pinjaman wang, pemasaran, pendidikan, penjagaan kesihatan serta latihan-latihan yang difikirkan akan mendatangkan kebaikan pada wanita-wanita ini. Maklumat-maklumat seumpama ini dianggap penting memandangkan tanggungjawab kaum wanita dalam merancang kehidupan hari-hari adalah agak besar. Kehanyakan daripada wanita-wanita desa dalam menjalankan kegiatan hari-hari adalah tanpa pengetahuan pelajaran atau latihan serta teknologi yang maju. Impannya, di kampung kajian pengkaji, kekurangan penerangan dan nasihat yang diberikan oleh pihak RISDA menyebabkan mereka tidak faham betul-betul tentang tujuan dan matlamat sebenar rancangan tanam semula, yang dialu-alukan oleh kerajaan. Oleh itu adalah perlu bagi pihak RISDA untuk memperluaskan lagi kegiatannya di kampung-kampung berkenaan demi untuk menjamin penglibatan kaum wanita dalam pembangunan negara.

Pengkaji menyarankan bahawa adalah amat perlu saranan-saranan adi dilaksanakan di kampung ini. Ini memandangkan kepada kawasan kajian ang mana merupakan kawasan yang masih lagi belum menerima perubahan atau pembangunan yang ketara baik dari segi sosial, ekonomi maupun dari segi infrastrukturnya. Oleh itu tidak menjadi kesalahan jika pengkaji rumuskan i sini yang penglibatan dan peranan wanita-wanitanya adalah tidak begitu

LAMPIRAN A



CARTA ORGANISASI PERHUBUNGAN DI ANTARA KG. DAN PEJABAT DAERAH

- * Keterangan dari pejabat Penghulu, Mukim Bukit Payung.

Lampiran A (Sambungan)

A. Ciri-Ciri Pemilihan Ketua Kg. Jerung Tuan:-

- (i) beliau mestilah penduduk asal kampung ini,
- (ii) beliau mempunyai hubungan yang mesra dengan penduduk-penduduk kampung,
- (iii) beliau dikenali oleh semua penduduk kampung,
- (iv) beliau dari segi taraf hidup adalah lebih berada dari yang lain.

B. Peranan atau Tugas-tugas yang dijalankan oleh Ketua Kampung di Kg. Jerung Tuan:-

- (i) menguruskan kerja-kerja yang diarahkan oleh Pejabat Daerah berhubung dengan projek-projek pembangunan di kampungnya,
- (ii) bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kampung,
- (iii) menjalankan tugas-tugas sosial yang berhubung dengan orang kampung,
- (iv) menjalankan kerja-kerja gotong royong di kampung,
- (v) memberitahu penghulu mukim atau Pegawai Daerah akan kesulitan-kesulitan orang kampung,
- (vi) memberi nasihat kepada penduduk-penduduk akan undang-undang dan peraturan kerajaan yang ada kaitan dengan orang kampung.

Lampiran B

A. Jumlah bilangan murid-murid dari kampung-kampung yang berdekatan yang belajar di Sekolah Kebangsaan Jerung Surau pada Tahun 1981:

<u>Nama Kampung</u>	<u>Jumlah Penuntut</u>
Jerung Seberang	116
Jerung Surau	52
Jerung Tuan	66
Lubuk Pandan	17
Lubuk Batu	12
Kg. Batu Keukir	11

B. Pertambahan bilangan murid-murid yang belajar di Sekolah Kebangsaan Jerung Surau dari Tahun 1970 hingga ke tahun 1981.

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan Penuntut</u>
1970	156
1971	178
1972	190
1973	183
1974	185
1975	202
1976	217
1977	217
1978	236
1979	242
1980	252
1981	174

LAMPIRAN C

KEGIATAN EKONOMI WANITA-WANITA
DI KAMPUNG JERONG TUAN

A. Penglibatan Wanita Dalam Kerja-kerja Memproses Getah



Menuangkan susu getah ke dalam acuan
untuk dibekukan



Menyediakan getah-getah beku untuk
dijadikan kepingan-kepingan getah



Memesin getah

ta Di Edung Ikonca



Membawa kepingan-kepingan getah
yang telah dimesin untuk dijemur



Getah-getah yang telah siap dikepingan
dijemur untuk dikeringkan

**B. Penglibatan Wanita-Wanita Di Bidang Ekonomi Selain
Daripada Menoreh Getah**



Menganyam Tikar



Berkedai Runcit

PERENCANAAN



Wanita-wanita sedang menuai padi


KETUA BAHAGIAN
PROJEK EKONOMI

KETUA BAHAGIAN
KESIHATAN/
KEDUDUKAN
DAN SUMBER

KETUA BAHAGIAN
HAL KELUAR
UGAMA DAN
KEMASYARAKATAN

KETUA BAHAGIAN
TUDMAM KUMU-
TAIGGA

Lampiran D



JAWATANKUASA KECIL PERKUMPULAN WANITA PEKEBUN KECIL

LAMPIRAN E

PROJEK MEMBUAT MEE KUNING YANG DIJALANKAN
OLEH PERSATUAN WANITA PEKEBUN KECIL (PWPK)



Bangunan Store Pusat Pembangunan Pekebun Kecil di mana kegiatan PWPK dijalankan

Mee yang dibuat adalah seperti ini dan
dijualkan dengan harga

BIBLIOGRAFI

TEKS RUJUKAN

1. Bernstein, H., 'Introduction', Underdevelopment and Development: The Third World Today, Penguin Book, 1973.
2. Burgess, E.W. & Locke, H.J., The Family: From Institution to Companionship, American Book, Co. New York, 1963.
3. Dahlstrom, E., The Changing Roles of Men and Women, Gerald Duckworth & Co. Ltd., London, 1967.
4. Fransella F. & Frost, K., Women - On Being a Women, Tavistock Publication, London, 1977.
5. Friedl, Ernestine, Women and Men: An Anthropologist's View, Holt, Rinehart and Winston, New York, 1975.
6. Huber, Joan, Changing Women in a Changing Society, University of Chicago Press, Chicago, 1973.
7. Hunt, L. Chester, Social Aspects of Economic Development, Mc Graw Hill, New York, 1966.
8. Holter, H., Sex Roles and Social Change, dalam Women and Achievement oleh Martha Tamara Shuch Mednick et. al., Hemisphere Publishing Corporation, Washington, 1975.
9. Kreps, J.M., Women and American Economy, Prentice-Hall Inc., New Jersey, 1976.
10. Laws, Judith Long, The Second X: Sex Role and Social Role, Elsevier North Holland Inc., New York, 1979.
11. Lim Mah Hui, Liberation - "A Pre-Requisite for Authentic Revolution" dalam Manusia dan Masyarakat, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1974.
12. Linton, Ralph, The Study of Man, An Introduction, Appleton Century, Crofts, New York, 1964.
13. Montagu, Ashley, The Natural Superiority of Women, New York, 1976.
14. Myrdal, Alva & Klein, Viola, Women's Two Roles - Home and Work, London, Routledge and Kegan Paul Ltd., 1956.

15. Roose, Hashimah, Changes in the Position of Malay Women dalam Barbara E. Ward, Women in the New Asia: The Changing Social Roles of Men and Women in South and South East Asia, UNESCO, 1963.
16. Smith, R.T., Comparative Structure, Encyclopaedia of Social Science, Vol. 5, 1972.
17. Ward, E. Barbara, Women in the New Asia, The Changing Social Roles of Men and Women in South East Asia, 1973.
18. Weil, M.W., An Analysis of the Factors Influencing Married Women's Actual or Planned Work Participation, American Sociological Review, Vol. 26, August, 1961.
19. Zainal bin Kling, Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan, K.L. Utusan Publications & Distributors, 1977.
20. The Encyclopaedia Britanica, Encyclopaedia Britanica, Inc. U.S.A. Vol. 9, 1977.

DISSERTASI DAN TESIS

1. Khadijah Hj. Muhammad, Wanita Melayu dan Pekerjaan - Satu Kajian Tentang Penyertaan Wanita Melayu di dalam Bidang Pekerjaan dan Pengaruhnya Ke Atas Keluarga, dissertasi M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969.

BAHAN CETAKAN KERAJAAN

1. Rancangan Malaysia Keempat, 1981 - 1985.

MAJALLAH

1. Majallah Wanita, Mei 1981.